



PANDANGAN ULAMA MENGENAI TAKWIL AYAT-AYAT MUTASYABIHAT

Artikel ini dipetik dari buku *Tafsir Al-Quran* oleh Drs. Syaichul Hadi Parmono, ms. 106 - 118.

Pengenalan

Artikel ini membincarakan mengenai salah satu isu yang kontroversi dalam ilmu tafsir Al-Quran iaitu penafsiran ayat-ayat yang memberi gambaran Allah SWT mempunyai anggota atau melakukan sesuatu yang menyerupai makhluknya.

Artikel ini disertakan dalam buku ini kerana antara penyelewengan yang dijumpai dalam ajaran-ajaran sesat ialah ajaran yang menyerupakan Allah SWT seperti makhluknya atau ajaran yang mengkiaskan ayat-ayat yang seperti ini dengan kiasan dan tafsiran yang salah yang boleh merosakkan akidah. Dengan memahami artikel ini, diharap pembaca dapat mengenalpasti ajaran-ajaran yang mentafsirkan ayat-ayat Mutasyabihat dengan cara yang salah.

Al-Quran adalah sumber pokok daripada agama Islam dan dasar yang pertama daripada hukum-hukum Islam. Semua isi-isi Al-Quran merupakan pedoman yang kuat dan hujjah yang sangat ampuh untuk dijadikan pegangan hidup dan perikehidupan bagi semua ummat, untuk menempuh kebahagian dan kesejahteraan di dunia sampai di akhirat.

Firman Allah s.w.t

الرَّكِبُ أَخْكَمَ مَا يَنْهَا فَمَنْ هُوَ لَدُنْ حَكِيمٍ خَيْرٍ

"Alif Laam Raa'. Inilah Kitab yang kuat ampuh ayat-ayatnya, kemudian diberi penjelasan, datang dari Tuhan Maha Bijaksana dan Maha Tabu."¹

Di dalam Al-Quran tidak ada satu ayat adapun satu makna yang bertentangan satu sama lain. Tidak ada paradox dan kontradiksi di dalamnya. Kesemuanya adalah haq, menyerupai yang satu dengan yang lain dan saling membenarkan.

Firman Allah s.w.t

اللَّهُ نَزَّلَ أَحْسَنَ الْحَدِيثِ كِتَابًا مُّتَشَبِّهًةً

"Allah telah menurunkan pemberitaan yang sebaik-baiknya, iaitu Kitab (Al-Quran), isinya serupa dan berulang-ulang."²

Firman Allah s.w.t

**هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَيْكَ الْكِتَبَ مِنْهُ مَا يَنْهَا فَمَنْ تُخْكِمْ تُهْنَأْ مَعْنَى الْكِتَبِ وَأَخْرَى
مُتَشَبِّهَتُ فَمَا مَا الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ رَّغْبَةٌ فَيَتَّبِعُونَ مَا تَشَبَّهَ بِهِ مِنْهُ أَبْتِغَاءَ الْفِتْنَةِ
وَأَبْتِغَاءَ تَأْوِيلِهِ وَمَا يَعْلَمُ تَأْوِيلَهُ إِلَّا اللَّهُ وَالَّذِينَ سُخُونَ فِي الْعِلْمِ يَقُولُونَ
إِمَانًا يَهُدِي كُلَّ مَنْ عِنْدَ رَبِّنَا وَمَا يَدْكُرُ إِلَّا أُولَوَالْأَلْبَابِ**

"Dialah yang menurunkan Al-Kitab (Al-Quran) kepadamu. Di antara (isinya) ayat-ayat yang Mubkamat, itulah pokok-pokok isi Al-Quran dan yang lain (ayat-ayat) Mutasyabibat. Adapun orang-orang yang dalam batinya condong pada kesesatan, maka mereka mengikuti ayat-ayat yang Mutasyabibat daripadanya untuk menimbulkan fitnah dan untuk mencari-cari takwilnya (yang keliru) padahal tidak ada yang mengetahui takwilnya melainkan Allah dan orang-orang yang mendalam ilmunya berkata "Kami beriman kepada ayat-ayat yang Mutasyabibat. Semuanya itu dari sisi Tuhan kami." Dan tidak dapat mengambil pelajaran (daripadanya)

¹ Al-Quran Al-Karim, Hud : 1.

² Al-Quran Al-Karim, Az-Zumar : 23.

melainkan orang-orang yang berakal.³

Definisi Mutasyabih Dan Muhkam

Para ulama berbeda pendapat dalam memberikan definisi tentang ayat-ayat Muhkam dan Mutasyabih sebagai berikut

1. *Muhkam* ialah ayat yang sudah diketahui maksudnya kerana sudah jelas atau dengan jalan ta'wil. *Mutasyabih* ialah ayat yang maknanya hanya diketahui oleh Allah s.w.t seperti bila akan berlaku Hari Kiamat, keluar Dajjal dan seperti huruf *muqatta'ah* di permulaan surat.
2. *Muhkam* ialah ayat yang jelas maksudnya.
3. *Muhkam* ialah ayat yang tidak ada *ihtimal* (kemungkinan) kecuali kepada satu makna.
4. *Muhkam* ialah yang dapat diterima oleh akal. *Mutasyabih* ialah sesuatu yang dogmatik, tidak dapat diterima oleh akal. Seperti bilangan solat, ketentuan puasa harus pada bulan Ramadhan bukan bulan Sya'ban.
5. *Muhkam* ialah ayat yang jelas dengan sendirinya, tidak memerlukan penjelasan-penjelasan dari yang lain.
6. *Muhkam* ialah ayat yang jelas tanpa takwil. *Mutasyabih* ialah ayat yang tidak dapat dimengerti kecuali dengan takwil.
7. *Muhkam* ialah ayat yang lafaznya berulang. *Mutasyabih* ialah ayat yang lafaznya tiada berulang.
8. *Muhkam* adalah fardu-fardu, janji dan ancaman. *Mutasyabih* adalah kisah dan *amtsal* (perumpamaan).
9. *Muhkam* ialah nasikh, halal, haram, had-had, fardu-fardu, apa yang wajib diimankan harus diamalkan. *Mutasyabih* ialah ayat yang mansukh, *amtsal*, sumpah-sumpah yang wajib diimankan akan tetapi tidak diamalkan.

³. Al-Quran Al-Karim, Ali-Imran : 7.

10. *Mubkam* ialah ayat-ayat yang tidak dinasakh. *Mutasyabib* ialah ayat-ayat yang dinasakh.
11. *Mubkam* yaitu sesuatu yang jelas ibaratnya, tidak muhtamil dan tidak pula serupa. *Mutasyabib* ialah lafaz yang menunjukkan kepada suatu makna yang bertentangan dengan akal fikiran, sehingga petunjuknya kabur, tidak dapat ditarjihkan.

Pendapat-pendapat para ulama mengenai definisi *Mubkam* dan *Mutasyaabib* yang disebutkan di atas, pada hakikatnya tidak saling bertentangan akan tetapi dapat dikompromikan atau dipertemukan sebab kesemuanya mempunyai segi-segi pemandangan yang bermacam-macam yang kesemuanya menuju kepada pengertian yang sama.

Adapun kesimpulan daripada pendapat-pendapat tersebut diatas adalah

Mubkam ialah sesuatu yang dari segi redaksinya, tidak dapat diketahui hakikat maknanya kecuali oleh Allah s.w.t atau ia menunjukkan kepada suatu makna yang bertentangan dengan akal fikiran, sehingga petunjuknya kabur, mustahil kepada beberapa wajah yang tidak dapat ditarjihkan. Maka dalam hal yang kedua ini harus ditakwilkan dengan mengembalikan makna kepada ayat-ayat *Mubkamat*.

Seterusnya Ar-Raghib di dalam kitab *Mufradat Al-Quran*, membahagi mutasyabib dari segi dapat dan tidaknya diketahui oleh manusia, menjadi tiga macam

1. *Mutasyabib* yang tidak ada jalan untuk diketahui. Seperti waktunya Hari Kiamat, keluarnya Dabbah dan sebagainya.
2. *Mutasyabib* yang ada jalan untuk diketahui oleh manusia. Seperti kata-kata yang gharib (asing) dan hukum-hukum yang belum konkret.
3. *Mutasyabib* yang di antara kedua hal tersebut. Iaitu di antara ada jalan dan tidaknya, untuk diketahui.

Jenis yang ketiga ini dapat diketahui khusus oleh orang-orang yang

mendalam ilmunya. Orang lain tidak dapat mengetahuinya. Dalam hal inilah Rasulullah s.a.w memberi isyarah dengan doanya kepada Ibn Abbas
"Ya Allah! Pandaikanlah ia dalam bidang agama dan ajarkanlah ia takwil"

Hukum Mentakwilkan Ayat-ayat Mutasyabihat

Adakah ayat-ayat *Mutasyabihat* itu dapat diketahui takwilnya oleh *Ar-Rasikbuna Fil Ilmi*, atau hanya diketahui oleh Allah s.w.t?

Dalam hal ini ada dua pendapat. Di mana sebab-sebab perbedaan pendapat itu adalah berasal daripada perbedaan cara dalam membaca ayat 7 dari surah Ali Imran.

Sedangkan perbedaan cara membaca itu adalah disebabkan perbedaan di dalam membuat definisi atau memberikan pengertian terhadap *Mutasyabihat*.

Pendapat pertama

Pendapat sebagian ulama salaf dan sebagian sahabat, seperti Ubay bin Ka'ab dan Aisyah r.a. Mereka berpendapat bahawa ayat-ayat *Mutasyabihat* itu tidak dapat diketahui selain oleh Allah swt sendiri.

Pendapat pertama ini di dalam membaca ayat 7 surat 3 Ali Imran mewaqaftkan pada perkataan

"....dan tidak mengetahui takwilnya kecuali Allah."

Perkataan (الرَّاسِخُونَ فِي الْعِلْمِ)

"Dan orang-orang yang mendalam ilmunya"

Hujjah mereka ialah

- Ayat 7, surah 3 Ali Imran di atas mencela kepada orang-orang yang mengikuti ayat-ayat *Mutasyabihat*. Mereka diberi sifat orang-orang yang hatinya condong kepada kesesatan, mencari-

cari fitnah. Akan tetapi ayat tersebut memuji orang-orang yang menyerah bulat-bulat kepada Allah dalam hal mengetahui tawil ayat-ayat Mutasyabihat, sebagaimana Allah dalam hal mengetahui takwil ayat-ayat Mutasyabihat, sebagaimana Allah memuji orang-orang yang mengimankan barang-barang ghaib.

- b. Firman Allah s.w.t.

الرَّاسِخُونَ فِي الْعِلْمِ يَقُولُونَ آمِنَابِهِ كُلُّ مِنْ عِنْدِ رَبِّنَا

"Orang-orang yang mendalam ilmunya berkata : "Kami beriman kepada ayat-ayat yang Mutasyabihat. Semuanya itu dari sisi Tuhan kami."

Kata-kata seperti ini memberikan pengertian tunduk dan menyerah bulat-bulat, yang patut diucapkan oleh orang yang tidak mengerti dan tidak faham terhadap takwil ayat-ayat Mutasyabihat.

- c. Dari Aisyah r.a. Rasulullah saw bersabda

فَإِذَا رَأَيْتَ الَّذِينَ يَتَّبِعُونَ مَا تَشَاءَبَهُ مِنْهُ فَأَوْلَئِكَ سَمَّى اللَّهُ فَاحْذِرُهُمْ

"Apabila kamu melihat orang-orang yang mengikuti ayat-ayat Mutasyabihat, maka mereka itu adalah orang-orang yang disebutkan oleh Allah." Peringatkan mereka!⁴"

- d. Dikeluarkan oleh Abdul Razzaq di dalam tafsirnya dan oleh Imam Al-Hakim di dalam Mustadraknya dari Ibn Abbas bahawa Ibn Abbas membaca (وَمَا يَعْلَمُ تَأْوِيلَهُ إِلَّا اللَّهُ) lalu baru membaca (وَالرَّاسِخُونَ فِي الْعِلْمِ يَقُولُونَ آمِنَابِهِ).

- e. Dikeluarkan oleh At-Tabari di dalam kitab Mu'jam Al-Kabir, dari Abu Malik Al-Asy'ari bahawa Rasulullah saw bersabda

لَا نَحَافُ عَلَى أَمْتَى إِلَّا ثَلَاثَ فِلَالٍ : أَنْ يَكْثُرُ لَهُمُ الْمَالُ فَيَتَحَسَّدُوا فَيَقْتُلُوا وَأَنْ يَفْتَحَ لَهُمُ الْكِتَابُ فَيَأْخُذُهُ الْمُؤْمِنُونَ يَتَّبِعُونَ تَأْوِيلَهُ وَمَا يَعْلَمُ تَأْوِيلَهُ إِلَّا اللَّهُ

⁴ Riwayat Al-Bukhari & Muslim.

"Yang saya takutkan bagi ummatku tidak lain kecuali tiga perkara : mereka mempunyai barta yang banyak lalu mereka saling dengki-mendengki, sehingga terjadi bunuh-membunuh di antara mereka. Mereka dibukakan kitab lalu kitab itu diambil oleh seorang yang beriman untuk dicari-cari takwilnya sedangkan tidak dapat diketahui takwilnya kecuali oleh Allah".

Dikeluarkan oleh Ibn Jarir dari Ibn Abbas, hadits marfu', Rasulullah saw bersabda :

أَنْزَلَ اللَّهُ أَكْرَمَ عَلَى أَرْبَعَةِ أَحْرَفٍ حَلَالٍ وَحَرَامٌ لَا يَعْدُنَ أَحَدٌ بِحَهَائِلِهِ
وَتَقْسِيرٌ تُقْسِرُهُ الْعَرَبُ وَتَقْسِيرٌ يُقْسِرُهُ الْعُلَمَاءُ وَمُشَابِهٌ لَا يَعْلَمُهُ إِلَّا اللَّهُ
وَمِنْ ادْعَى عِلْمًا سِوَى اللَّهِ فَهُوَ كَاذِبٌ

"Al-Quran itu diturunkan menurut empat buruf :

1. Halal-haram, tidak ada alasan bagi seorang pun untuk tiada mengetahuinya.
2. Tafsir yang diketahui oleh orang Arab.
3. Tafsir yang diketahui oleh ulama.
4. Mutasyabib, yang tidak diketahui selain Allah Yang Maha Agung. Barangsiapa mengaku mengetahuinya selain Allah, maka ia adalah berdusta."

Pendapat kedua

Pendapat Ibn Abbas, Mujahid, Ad-Dahhak, Imam Nawawi, Ibn Al-Hajib dan jumhur sahabat. Mereka berpendapat bahawa takwil ayat-ayat Mutasyabib dapat diketahui oleh orang-orang yang dalam ilmunya (*Ar-Rasikhun Fil 'Ilmi*).

Ibnu Abbas berkata

"Saya termasuk orang-orang yang dalam ilmunya, saya mengetahui takwilnya (ayat Mutasyabib)."

Berkata Ad-Dahhak

"Orang-orang yang mendalam ilmunya akan mengetahui takwil ayat-ayat Mutasyabib. Apabila mereka tidak tahu takwilnya mereka tidak tahu nasibk daripada mansubknya, halal dari haramnya, muhkam daripada mutasyabibnya."

Berkata An-Nawawi

"Itulah yang lebih sabib, sebab tidak masuk akal, apabila Allah itu bercakap kepada hambaNya dengan sesuatu yang tidak dapat diketahui oleh seseorang dari hambaNya."

Hujjah-hujjah mereka

- a. Di dalam ayat 7, surah Ali Imran itu mencela orang yang mencari-cari takwil yang bertentangan dengan ayat-ayat yang *Mubkamat*, untuk mencari fitnah. Orang-orang yang mendalam ilmunya tidak seperti itu. Mereka ahli yakin, tidak ada kegoncangan bagi mereka, mereka memaham ayat-ayat *Mutasyabibat* dengan suatu pengertian yang cocok dengan ayat-ayat *Mubkamat*.
- b. Adapun firman Allah (﴿ اَمَّا بِهِ كُلُّ مِنْ عِنْدِ رَبِّنَا ﴾) ini tidak bertentangan dengan pengertian yang mereka peroleh. Memang orang-orang yang mendalam ilmunya, kerana ilmunya yang mendalam itu dan kerana mereka tidak akan bingung dan ragu-ragu, akan tetapi mereka yakin terhadap ayat-ayat *Mutasyabibat* sebagaimana mereka yakin terhadap ayat-ayat *Mutasyabibat* sebagaimana mereka yakin terhadap ayat-ayat *Mubkamat*. Keduanya adalah dari Allah s.w.t.
- c. Dikeluarkan oleh Ad-Darimi dari Umar bin Al-Khattab r.a. ia berkata

*"Bahwasanya akan datang kepada kamu sekalian, manusia-manusia yang mengajak berdebat kepadamu dengan *Mutasyabibat* Al-Quran, maka oleh kerananya ambillah *sunan* untuk mereka. Sesungguhnya orang-orang ahli *sunan* itu lebih tahu tentang kitabullah."*

Pernyataan Umar bin Al-Khattab ini menunjukkan bahawa ayat-ayat *Mutasyabibat* itu dapat diketahui selain Allah s.w.t, iaitu oleh orang-orang yang telah mendalam ilmunya dan ahli di dalam bidang *sunan* (hadits).

Setelah kita mengetahui bahawa hakikat *Mutasyabib* itu sebenarnya ada dua macam, iaitu

1. *Mutasyabib* yang tidak dapat diketahui selain Allah s.w.t.
2. *Mutasyabib* yang dapat diketahui takwilnya oleh *Ar-Rasikhun Fil Ilmi*.

Maka perbedaan di dalam membuat definisi atau memberikan pengertian terhadap ayat *Mutasyabib* itu sebenarnya tidak ada. Sebab masing-masing adalah merupakan definisi daripada kedua macam bahagian *Mutasyabib*.

Hal demikian menunjukkan bahawa perbedaan cara bacaan pada ayat 7, surah Ali Imran tersebut, kedua-duanya adalah diperbolehkan dan tiap-tiap bacaan memberikan hukum yang berlainan terhadap suatu peristiwa yang berlainan pula. Maka tidak ada pertentangan pendapat atau berlainan faham.

Apabila waqaf pada kata (وَمَا يَعْلَمُ تَأْوِيلَهُ) acaan ini mengisyarahkan terhadap *mutasyabib* macam yang pertama, iaitu mutasyabib yang tidak dapat diketahui selain Allah s.w.t. Dalam hal ini tidak boleh ditakwilkan. Akan tetapi apabila disambungkan sampai dengan kata (وَالرَّاسِخُونَ فِي الْعِلْمِ) maka memberi isyarah terhadap mutasyabib jenis yang kedua, iaitu *mutasyabib* yang dapat diketahui takwilnya oleh *Ar-Rasikhuna Fil Ilmi*. Jenis kedua ini dapat dan boleh ditakwilkan dan menjadi peranan dalam ijihad.

Cara Mentakwil Ayat-ayat Mutasyabihat

Cara mentakwilkan ayat-ayat *Mutasyabihat* ialah

Pertama, harus memahami ayat-ayat yang *Mubkamat*, sampai menghasilkan suatu kejadian dan mendapatkan suatu pengertian yang mendalam terhadap makna dan maksud daripada ayat-ayat yang *Mubkamat* itu. Apabila hal yang maksud daripada ayat-ayat yang *Mubkamat* itu. Apabila hal yang demikian sudah dapat kita capai, sehingga tidak akan terjadi kegoncangan dan keragu-raguan di dalam menanggapi *Mutasyabihat*, barulah kita diperbolehkan untuk memahamkan ayat-ayat yang *Mutasyabihat*.

Perlu diperhatikan, bahawa di dalam Al-Quran itu tidak ada satu

makna pun yang bertentangan dengan yang lain. Tidak ada kontradiksi, kesemuanya adalah serupa-menyerupa dan benar-mbenarkan. Oleh kerana itu, kita di dalam mentakwilkan ayat-ayat *Mutasyabibat* itu harus mengembalikannya kepada ayat-ayat yang *Mubkamat*, yakni harus berpedoman kepada yat-ayat yang *Mubkamat*. Ayat *Mutasyabibat* tidak boleh bertentangan dengan *Mubkamat*, bahkan ayat-ayat *Mubkamat* harus menjadi panduan terhadap ayat-ayat *Mutasyabibat* yang mau kita takwilkan.

Kedua, di dalam memahamkan ayat-ayat yang *Mutasyabibat*, kita harus berpegang kepada dalil-dalil dan bersandar kepada bukti-bukti yang konkret, tidak boleh hanya memakai akal saja.

Ketiga, apabila ada lafaz atau ayat yang *muktamil* kepada dua makna dan yang satu lebih jelas daripada yang lain, maka makna yang lebih jelas itulah yang harus dipergunakan kecuali harus ada dalil atau bukti yang menuntut bahawa makna yang samar itulah yang dimaksud, maka yang dipergunakan adalah makna yang samar itu.

Keempat, apabila lafaz atau ayat itu mempunyai dua makna dan kedua-duanya sama-sama jelas, makna yang satu *baqiqah lugbawiyah* atau *baqiqah ursiyah*, sedangkan makna yang lain adalah *baqiqah syar'iyyah*, maka yang dipergunakan adalah makna yang *baqiqah syar'iyyah*. Kecuali apabila terdapat dalil yang menuntut terhadap *baqiqah lugbawiyah* atau *baqiqah ursiyah*, maka dalam hal yang kedua ini yang dipergunakan adalah ma'na yang *baqiqah lugbawiyah* atau *baqiqah ursiyah*, seperti firman Allah s.w.t

"Dan doakanlah untuk mereka, sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka.⁵"

Apabila makna yang satu *'rsiyah* dan yang lain *lugbawiyah*, maka yang diambil adalah makna yang *ursiyah*.

Apabila kedua-dua makna itu sama-sama *baqiqah syar'iyyah*, atau sama-sama *baqiqah ursiyah* atau sama-sama *baqiqah lugbawiyah*, sedangkan dua makna tersebut tidak dapat dikompromikan, seperti perkataan

⁵ Al-Quran Al-Karim, Al-Baraah : 103.

gur'u, mempunyai makna haid dan suci, maka kita harus berijtihad dengan mencari bukti-bukti atau tanda-tanda ayng menunjukkan kepada salah satu dari dua makna tersebut.

Apabila tidak ditemukan bukti-bukti atau tanda-tanda, maka dalam hal ini ada beberapa pendapat. Ada pendapat yang membolehkan untuk memilih salah satu dari dua makna tersebut. Ada yang berpendapat, mengambil yang berat hukumnya. Dan ada yang berpendapat supaya menggunakan yang lebih ringan hukumnya.

Apabila kedua-dua makna tersebut dapat dikompromikan, tidak bertentangan, maka menurut ahli tahqiq, wajib *diibtilamkan* kepada dua makna tersebut.

Akan tetapi apabila ada dalil yang menuntut kepada salah satu makna, maka yang dipergunakan adalah salah satu makna yang dituntut oleh dalil itu.

6. KESIMPULAN

1. Yang dimaksud dengan *Al-Tafsir Bir-Ra'yi* yang terlarang ialah menafsirkan Al-Quran disesuaikan dengan suatu pendapat yang didukung, tanpa memperhatikan ilmu-ilmu tafsir, hanya mengikuti hawa nafsu dengan mencari-cari takwil yang mengakibatkan timbulnya fitnah yang membahayakan.
5. Dalam menghadapi perbedaan penafsiran para mufassirin terutama para ulama salaf, sedapat mungkin diusahakan penyesuaian pendapat, apabila mungkin untuk *ditaufiqkan* (dikompromikan). Akan tetapi kalau tidak mungkin, harus dikoreksi dan dipilih mana di antara pendapat-pendapat atau perkataan-perkataan tersebut yg sahih atau yang paling sahih, dengan melihat darjat mufassirin dan darjat tafsir-tafsir itu sendiri.
6. Sebab-sebab pokok daripada perbedaan penafsiran adalah
 - a. Perbedaan tingkat pengetahuan para mufassirin

- b. Perbedaan tingkat kecerdasan para mufassirin
 - c. Perbedaan mereka di dalam mempergunakan kaedah-kaedah,
7. Hukum mentakwilkan ayat-ayat *Mutasyabibat*.

a. Definisi ayat-ayat *Mutasyabibat*

"Ialah suatu ayat yang dari segi redaksinya, tidak dapat diketahui hakikat maknanya kecuali oleh Allah s.w.t, atau dari segi redaksinya menunjukkan kepada suatu makna yang bertentangan dengan akal-fikiran sehingga petunjuknya kabur, *mubtamil* kepada beberapa wajah yang tidak dapat ditarikhkan."

b. Pembagian ayat *Mutasyabibat*

- i. *Mutasyabibat* yang tidak dapat diketahui takwilnya selain Allah s.w.t.
- ii. *Mutasyabibat* yang dapat diketahui takwilnya oleh *Ar-Rasikhun Fil 'Ilmi*.

c. Hukum mentakwilkan ayat-ayat *Mutasyabibat*

Mutasyabibat macam yang pertama tidak boleh ditafsirkan atau ditakwilkan, *Mutasyabibat* macam yang kedua dapat dan boleh ditakwilkan serta menjadi peranan daripada ijtihad.

d. Cara mentakwilkan *Mutasyabibat*

Harus dikembalikan kepada ayat-ayat *Muhkamat*. Ayat-ayat *Muhkamat* menjadi pedoman, menjadi panduan terhadap ayat *Mutasyabibat* yang ditakwilkan.



PENYELEWENGAN AS-SUNNAH DAN BAHAYANYA DI DALAM KEHIDUPAN MASYARAKAT ISLAM

oleh Dr. Haron Din, Mantan Pensyarah di Jabatan Syariah,
Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kertas kerja ini dibentangkan di Seminar Babaya Ajaran Sesat anjuran Jawatankuasa Dakwah Majlis Ugama Islam Singapura pada 21 - 22 Januari 1989 di Oditorium Pusat Islam Singapura.

Pengenalan

Kertas ini membincangkan akan pengertian As-Sunnah, peranannya sebagai sumber bukum dalam Islam dan kesan-kesan jika As-Sunnah tidak diambil pakai dalam kehidupan seorang Islam. Penulis kertas kerja ini menulis kertas ini dengan tujuan untuk menolak golongan yang menolak As-Sunnah sebagai sumber panduan hidup bagi orang Islam. Penulis menerangkan asal usul kelompok ini dan motif di sebalik dakwaan golongan ini.

Kertas ini dimasukkan di dalam buku ini kerana golongan yang dimaksudkan oleh penulis kertas ini juga wujud di Singapura dan dikenali sebagai Inkarus Sunnah. Melalui kertas kerja ini diberapkan para pembaca dapat gambaran ringkas akan penyelewengan kelompok Inkarus Sunnah atau Anti Hadits.

MUQADDIMAH

Umat Islam sejak dari dahulu hingga sekarang, tidak pernah reda dari berhadapan dengan berbagai-bagai masalah keagamaan. Kadang-kadang amat serius sehingga menggugat kestabilan ummah, yang memerlukan kepada tindakan. Adakalanya remeh-temeh yang tidak perlu diberi perhatian.

Fitnah jahat terhadap Islam bukanlah suatu perkara baru. Ianya telah timbul sejak di zaman Rasulullah s.a.w. Berbagai-bagai isu rekaan telah dibuat oleh musuh-musuh Islam untuk menggugat kesuciannya moga-moga ditolak oleh manusia akan kebenarannya. Agar cahaya Islam itu tidak bersinar, pudar dan terus malap..

Musuh-musuh Islam amat peka dan yakin bahaya sekiranya Islam itu bersinar terang, serta dihayati pengajaran-pengajarannya, maka kekufturan akan menjadi pudar dan tergugat. Bila kekufturan telah pudar dan lenyap, segala kejahatan akan turut menghilang. Segala kezaliman akan hancur, segala maksiat akan turut terhapus. Kalau lalih itu berlaku maka rugilah mereka.

Hidup di atas kekufturan adalah suatu yang amat menguntungkan bagi golongan '*Thaghut*'. Mereka akan mengaut keuntungan yang banyak dari bermaharajalelanya kejahatan dan kemaksiatan. Amat banyak pulangan yang boleh didapati daripada porak perandanya masyarakat yang dipenuhi dengan kefasikan.

Oleh kerana Islam mengajak manusia kepada keamanan dan kesentosaan, maka segala kejahatan dan kemaksiatan mestilah ditentang habis-habisan. Kezaliman hendaklah dihentikan, kebenaran hendaklah ditegakkan. Apabila ini berlaku maka tentulah tidak akan disenangi oleh golongan perosak masyarakat. Mereka akan mempergunakan segenap cara untuk menyekat kemaraan Islam. Salah satu caranya ialah dengan membuat fitnah dan memburuk-burukkan Islam.

Penyelewengan adalah salah satu cara untuk menyekat kemaraan Islam. Telah banyak penyelewengan di dalam ajaran Islam dilakukan

oleh golongan musuh dari dahulu hingga sekarang. Atas sebab-sebab yang disebutkan tadi ianya akan terus dilakukan. Apabila suatu penyelewengan itu telah diperbetulkan semula, diadakan pula perkara baru yang pada anggapan mereka boleh menggugat Islam dan umatnya. Inilah yang pernah dibayangkan oleh Al-Quran Al-Karim:

بِرُّ بَدْوٍ لَطَفْقُوا وَلَدَّهُمْ أَفْوَاهُهُمْ وَاللَّهُ مُتَمِّنٌ ثُورٍ وَلَوْكَرَةُ الْكَفَّارُونَ

"Mereka berkeinginan (sungguh-sungguh) untuk memadamkan cahaya petunjuk dari Allah dengan mulut-mulut mereka (secara membuat fitnah) dan Allah tetap menyempurnakan cahaya petunjuk-Nya, meskipun amat dibenci oleh orang-orang kafir" (As-Saff : 8)

Salah satu penyelewengan yang telah dilakukan oleh musuh-musuh Islam adalah dengan meragui kesahihan As-Sunnah. Hal ini telah lama berlaku dan amat disedari oleh umat Islam bahawa motif penyelewengan itu adalah untuk mengajak umat Islam meninggalkan As-Sunnah. Akan tetapi tidak pernah disebut secara terang-terangan bahawa As-Sunnah itu hendaklah diketepikan seluruhnya. Sehinggalah di zaman akhir-akhir ini segala-galanya telah terserlah. As-Sunnah itu bukan sahaja sekadar diragui kesahihan setengah-setengahnya, malah telah sampai menyatakan bahawa seluruh As-Sunnah, semuanya dan segala-segalanya, adalah palsu dan tidak boleh dipakai dan diikuti lagi.

Sampai ke tahap ini ternyata seriusnya masalah yang berbangkit itu perlu dihadapi dan diberi tentangan yang berkesan untuk membasmi dan menegak kebenaran.

SEDIKIT MENGENAI TAJUK

Kertas ini bertujuan untuk mengupas tajuk yang telah ditetapkan iaitu 'Penyelewengan As-Sunnah dan Bahayanya Di dalam Kehidupan Masyarakat Islam'. Perkataan 'penyelewengan' jika dirujuk kepada kamuskamus Melayu maka didapati maknanya seperti berikut - Seleweng, menyeleweng, ertinya menyimpang dari arah yang betul. Menyeleweng ertinya menjadikannya menyimpang dari ajaran yang sebenar.

Dengan pengertian di atas dapatlah dibayangkan bahawa tajuk ini bertujuan untuk membincangkan As-Sunnah dari sudut penyelewengan yang berlaku ke atasnya serta bahaya-bahaya dari penyelewengan itu di dalam masyarakat Islam.

Sebenarnya penyelewengan As-Sunnah bukanlah sesuatu yang baru, ianya masalah lama yang telah tenggelam dan timbul di dalam masyarakat Islam. Hingga kini masalah itu tidak sangat menjadi isu. Yang menjadi isu besar sekarang ini bukan lagi masalah penyelewengan tersebut, tetapi masalah penolakan As-Sunnah itu seluruhnya. Kerana itu kertas ini akan membincangkan masalah-masalah tersebut secara menyeluruh.

BAGAIMANA HENDAK MENGETAHUI BERLAKU PENYELEWENGAN

Seorang yang sedang berjalan di jalan raya, tidak boleh dikatakan ianya menyimpang dari arah sebenar yang ditujunya sehingga boleh dikatakan kepadanya engkau telah menyeleweng, melainkan setelah diketahui terlebih dahulu secara pasti tujuan dan di manakah arah sebenar yang hendak ditujunya. Demikian juga dengan As-Sunnah, tidak mungkin boleh dikatakan As-Sunnah itu telah diselewengkan melainkan setelah diketahui terlebih dahulu apakah dia As-Sunnah itu, apakah tujuan, fungsi dan arahnya.

As-Sunnah pada pengertian istilah di sisi ahli-ahli hadits (*Muhadditsin*) bererti:

"Sesuatu yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. sama ada dengan perkataan atau perbuatan atau persetujuan atau sifat-sifat peribadinya atau sejarah. Sama ada sebelum menjadi rasul atau sesudahnya."

Dari sisi ulama' Usul pula mereka mentakrifkannya sebagai sesuatu yang dipindahkan dari Rasulullah s.a.w. dari perkataannya atau perbuatannya.

Kedua-dua takrif itu sebenarnya tidak sangat berbeza dari segi yang dikatakan As-Sunnah itu adalah sesuatu yang datangnya dari Rasulullah s.a.w.

Dengan pengenalan tersebut dapatlah diketahui sesuatu sunnah itu sama ada menyeleweng atau tidak dengan merujukkannya kepada sumber sesuatu hadits itu, sama ada benar ia dikatakan oleh Rasulullah s.a.w. atau pun tidak. Banyak berlaku penyelewengan terhadap Rasulullah s.a.w. Sesuatu yang tidak dikatakan oleh Rasulullah diadakan perkataan itu.

Ulama terdahulu telah membuat kajian rapi tentang pembohongan-pembohongan tersebut seperti Al-Imam Ja'far bin Abdur Rahman As-Sayuti yang telah menulis sebuah kitab mengandungi dua juzuk dengan menamakannya sebagai *Al-Lali Al-Masnu'ah Fi Al-Abadits Al-Maudbu'ah* (Mutiara-Mutiara Tiruan Pada Hadits-Hadits Rekaan)

Setelah mengetahui makna As-Sunnah, perlu pula diketahui peranan As-Sunnah seperti disebut oleh Al-Quran. Dengan mengenali peranan dan fungsi-fungsinya akan memudahkan pula kita mengetahui penyelewengannya. Sekiranya sesuatu hadits itu telah terang-terang berlawanan dengan fungsi-fungsinya maka bererti berlakulah penyelewangan.

FUNGSI AS-SUNNAH

As-Sunnah mempunyai fungsi yang nyata di dalam Islam. Ianya adalah sumber perundangan Islam. Fungsi asasnya ialah:

1. Untuk menyatakan kebenaran isi Al-Quran

As-Sunnah berfungsi untuk menyokong kandungan Al-Quran Al-Karim, yang bererti tidak mungkin As-Sunnah mencanggahi Al-Quran di dalam apa bentuk sekalipun. Ianya selaras dengan Al-Quran itu sendiri. Oleh itu sekiranya wujud sesuatu sunnah yang terang-terang berlawanan dengan Al-Quran maka nyatalah penyelewangan.

Hal sedemikian adalah bertitik-tolak dari As-Sunnah itu sebagai sesuatu yang benar dan diakui Al-Quran. Firman Allah

لَقَدْ مِنَ اللَّهِ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ إِذْ بَعَثَ فِيهِمْ رَسُولًا مِنْ أَنفُسِهِمْ يَتَلَوَّ عَلَيْهِمْ مَا آتَيْتَهُمْ وَيَرَكِّبُهُمْ وَيَعْلَمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا مِنْ قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ

"Sesungguhnya Allah telah memberi kurnia bagi orang yang beriman, ketika dia telah mengutuskan seorang rasul kepada mereka dari kalangan mereka sendiri membacakan ayat-ayatnya kepada mereka dan membersihkan mereka (dari sifat-sifat jabat) serta mengajar mereka Al-Kitab (Al-Quran) dan Al-Hikmah (As-Sunnah). Sesungguhnya mereka sebelum itu berada di dalam kesesatan yang nyata" (Ali Imran : 164)

Ungkapan yang menyebut "الْحِكْمَةَ" diulangi beberapa kali di dalam beberapa surah Al-Quran antaranya: Al-Baqarah: 129, 151, 231, An-Nisa': 133, Al-Ahzab: 34 dan Al-Jumu'ah: 2. Semuanya itu telah ditafsirkan oleh ulama bahawa perkataan Al-Hikmah itu sebagai suatu yang lain dari Al-Quran yang maksudnya As-Sunnah.

Apabila As-Sunnah diakui oleh Al-Quran sebagai suatu kurniaan dari Allah maka ianya bererti bahawa mengikut As-Sunnah adalah mengikut kebenaran yang datang dari Allah, meninggalkan As-Sunnah bererti kesesatan yang nyata kerana itulah di akhir ayat di atas (Al-Imran: 164) diakhiri dengan ungkapan yang bermaksud "Sesungguhnya mereka berada di dalam kesesatan tiba-tiba datang kepada mereka Al-Quran dan As-Sunnah lalu diikuti kedua-keduanya maka lenyaplah kesesatan dan labirlah cabaya petunjuk ke jalan kebenaran"

2. Untuk penjelasan lebih terperinci:

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكُمْ كِتَاباً لِتَتَبَيَّنَ مَا نَزَّلْنَا إِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ

"Dan Kami turunkan kepadamu Al-Zikr (Al-Quran) supaya Kami dapat menjelaskan kepada manusia apa-apa yang diturunkan kepada mereka, agar mereka berfikir". (An-Nahl : 44)

3. Sebagai pemutus dari sesuatu peselisihan:

وَمَا أَنْزَلْنَا عَلَيْكُمْ كِتَاباً إِلَّا لِتَبَيَّنَ لِهِمُ الَّذِي أَخْلَقُوا فِيهِ وَهُدَى وَرَحْمَةً لِقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ

"Dan tidak Kami turunkan kepadamu al-Kitab (Al-Quran) melainkan untuk kamu jelaskan kepada mereka itu apa-apa yang mereka terima berselisih faham padanya dan ianya sebagai petunjuk dan rahmat bagi kaum yang beriman" (An-Nahl : 64)

4. Sebagai penjelas sebenar kepada maksud Kitab-kitab yang diturunkan sebelum Al-Quran:

وَإِذَا أَخَذَ اللَّهُ مِيقَاتَ الَّذِينَ أَوْتُوا الْكِتَابَ لِتَبَيَّنَهُ لِلنَّاسِ وَلَا تَكُنْ هُوَ فِي شَوْهِدٍ وَرَاءَ طُهُورِهِمْ وَأَشَرَّوْهُ بِهِ مُنَانًا قَلِيلًا فِتْنَسٌ مَا يَشَرُّونَ

"Dan ingatlah ketika Allah mengambil janji dari orang-orang yang telah diberikan Al-Kitab kepada mereka iaitu benda lab kamu menerangkan isi kitab itu kepada manusia dan jangan kamu menyembunyikannya iaitu mereka mungkiri janji itu dengan membelakangkannya dan mereka menuarkannya dengan harga yang murah (sedikit), maka amat buruk lab tukaran yang di terima" (Ali Imran : 187)

5. Sesuatu keputusan untuk orang-orang yang meminta hukuman:

فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّىٰ يُحَكِّمُوكَ فِيمَا شَجَرَ بِنَهْمَ ثُمَّ لَا يَعْجِدُو وَفِي أَنفُسِهِمْ حَرَجٌ مَا قَضَيْتَ وَيُسَلِّمُوا أَسْلِيمًا

"Maka demi Tuhan, mereka tidak beriman bingga mereka menjadikan kamu bakim terhadap perkara yang mereka perselisihkan, kemudian mereka tidak merasa dalam batil mereka suatu keberatan untuk menerima hukuman sebagai keputusan yang kamu berikan dan mereka menerima dengan sepenuhnya" (An-Nisa' : 65)

6. Sebagai suatu kata putus yang tidak boleh dibuat pilihan lain:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا إِنْ يَكُونَ لَهُمُ الْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ وَمَنْ يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا مُّبِينًا

"Dan tidak lab boleh bagi orang-orang mukmin lelaki dan perempuan, apabila Allah dan Rasulnya telah menetapkan sesuatu ketetapan (keputusan), tiba-tiba mereka benda k membuat pilinan lain tentang urusan mereka. Dan barang siapa yang menderhakai Allah dan Rasulnya maka sesungguhnya dia telab sesat sebagai sesat yang amat nyata" (Al-Abzab : 36)

Dari keterangan di atas jelas menunjukkan bahawa As-Sunnah ada peranannya yang tersendiri di samping Al-Quran. Ianya berfungsi

sebagai suatu yang bersaing dari Al-Quran tetapi berkait rapat antara satu sama lain dan bertugas bahu membahu untuk memberi hidayah kepada manusia.

Al-Quran sebagai 'Kalam Allah' memerlukan kepada penjelasan dalam berbagai-bagai aspek bagi memudahkan umat Islam memahami dan mengamalkannya. Tentu sahaja Al-Quran itu mengandungi banyak perkara yang tersembunyi maksudnya bagi orang ramai yang suka mengetahui maksud sebenar kandungan tersebut melainkan dengan penjelasan yang benar. Manusia tidak mungkin dapat sampai kepada yang benar itu melainkan yang dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w.

Dalam beberapa keadaan Al-Quran mungkin tidak menyentuh sesuatu perkara secara khusus. Tetapi diperlukan keterangan mengenainya dalam masyarakat, maka Rasulullah s.a.w. sebagai penjelas bagi semua perkara yang ditimbulkan itu.

Dalam kehidupan umum Rasulullah s.a.w. banyak dirujukkan kepadanya persoalan umat dari sekecil-kecilnya kepada sebesar-besarnya. Semua perkara yang dirujukkan itu memerlukan keputusan segera untuk menyelesaikan masalah kerana itu tindakan-tindakan Rasul semuanya dari Allah jua.

Lebih jelas dari itu kita lihat bahawa kandungan Al-Quran keseluruhannya mengandungi kenyataan-kenyatan umum yang tidak terperinci. Contoh yang jelas seperti di dalam perkara-perkara ibadat: solat, zakat, puasa, haji dan sebagainya. Keseluruhannya Al-Quran hanya menyebut hukum solat. Adapun cara melaksanakan solat itu tidak disebut secara terperinci. Bacaan-bacaan di dalam solat, gerak-geri solat sepenuhnya dan lain-lain. Semuanya perlu dirujuk kepada As-Sunnah.

Demikian pula di dalam zakat, hanya hukum yang menjadi penekanan. Adapun tentang harta yang wajib zakat, nisab zakat, kadar yang wajib dikeluarkan, boleh atau tidak dikutip oleh perintah dan sebagainya tidak disebut di dalam Al-Quran.

Begitu juga ibadat haji, masanya, rukunnya, wajib-wajibnya, larangan-larangannya dan lain-lain tidak disebut. Oleh itu maka peranan As-Sunnah itu penting untuk menjelaskan cara yang betul sehalus-halusnya.

Tanpa As-Sunnah semua ibadat tidak mungkin boleh dilakukan seperti yang dikehendaki oleh Allah Taala. Apabila As-Sunnah diketepikan secara mutlak maka ternyata hal penyelewengannya dan padahnya amat besar terhadap umat. Kerana itu perlu ditentang dan dihuraikan kenyataan sebenar mengenai As-Sunnah dan peranannya di dalam syariat Islam.

AS-SUNNAH SEBAGAI WAHYU ALLAH

Meskipun sudah jelas bahawa As-Sunnah itu adalah sumber kedua perundangan Islam, namun keraguan terhadapnya sengaja ditimbulkan dari masa ke semasa untuk menggugat keyakinan umat Islam terhadap asas yang amat penting ini. Mereka menimbulkan keraguan-keraguan terhadap As-Sunnah dengan menyatakan bahawa As-Sunnah bukanlah wahyu. Ianya pernah wujud di dalam Al-Quran sebagai suatu perintah untuk umat Islam mengikut As-Sunnah.

Bagi menjelaskan hal yang tersebut itu kita ikuti ayat-ayat Al-Quran yang menjelaskan hal-hal demikian, antaranya:

وَمَا يُنطَقُ عَنِ الْمُؤْمِنِ إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَى

"Dan tidaklab yang diucapkaninya itu dengan menurut kemabuan bawa nafsunya. Ucapannya itu tidak lain melainkan wahyu yang diwabiyukan (kepadanya)" (An-Najm : 3 - 4)

Ayat yang tersebut itu meskipun bermaksud antara ianya untuk menyatakan bahawa ayat-ayat Al-Quran itu bukanlah dari rekaan Muhammad s.a.w. atau dari kehendak nafsunya tetapi juga bermaksud untuk menyatakan bahawa As-Sunnah juga adalah wahyu Allah.

Di dalam tafsir Al-Qurtubi ada disebut:

"Di dalamnya terdapat dalil bahawa, dalam berama-rama, Sunnah adalah seperti wahyu yang diturunkan"

Dan pada ayat itu juga (An Najm:3 - 4) menunjukkan bahawa As-Sunnah itu seperti wahyu (Al-Quran) yang diturunkan untuk

dijadikan pegangan dan ikutan.

Rasulullah s.a.w. pernah menyatakan yang demikian ini:

أَلَا وَإِنِّي قَدْ أُوتِيتُ الْكِتَابَ وَمِثْلُهُ مَعَهُ

"Ingatlah bahwasanya aku sesungguhnya diberikan Al-Quran dan yang seumpamanya (Al-Quran) bersamanya."

As-Sunnah sebagai sesuatu yang lain daripada Al-Quran tetapi ianya adalah wahyu Allah yang wajib diikuti, dijelaskan oleh Al-Quran:

وَأَطِيعُ اللَّهَ وَالرَّسُولَ لَكُمْ شُرُحُونَ

"Dan taatilah Allah dan Rasul moga-moga kamu dikasibi" (Ali Imran : 132)

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اسْتَبِّحُوا لِلَّهِ وَلِرَسُولِ إِذَا دَعَاكُمْ لِمَا يُحِبِّي كُمْ

"Wabai orang yang beriman hendaklah kamu menyabut seruan Allah dan Rasulnya apabila kamu diseru untuk sesuatu perkara yang boleh memberi kehidupan (yang lebih bermakna) kepadamu" (Al-Anfal : 24)

مَنْ يُطِعِ الرَّسُولَ فَقَدْ أَطَاعَ اللَّهَ

"Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul Allah maka sesungguhnya ia telah taat kepada Allah" (An-Nisa' : 80)

Semua keterangan-keterangan yang tersebut di atas dan banyak lagi yang lain-lainnya menunjukkan bahawa di samping Al-Quran sebagai wahyu Ilahi. As-Sunnah juga merupakan sesuatu yang wajib diikuti. Kalaulah yang perlu diikuti hanya Al-Quran sahaja dan As-Sunnah tidak perlu, maka tidaklah logik adanya ayat-ayat yang banyak yang memerintah umat Islam supaya mematuhi Rasul, sesudah menyebut wajib mentaati Allah. Ini bererti mentaati Allah yang bermakna mengikut wahyu Al-Quran adalah wajib begitu juga mentaati Rasulullah yang bermakna mengikuti sunnahnya juga wajib.

KERAGUAN YANG DISENGAJAKAN SEBAGAI SUATU PENYELEWENGAN

Meskipun ayat-ayat Al-Quran amat banyak yang memerintah umat Islam mentaati Allah di samping memerintah mereka juga mentaati

Rasulullah dalam serba keadaan, walaupun dalam keadaan-keadaan yang tidak ada keterangan di dalam Al-Quran tentang jenis ketaatan itu, namun ada pihak yang sengaja yang menimbulkan keraguan dengan menyatakan bahawa ketaatan yang dikehendaki itu adalah ketaatan sahabat-sahabat yang hidup sezaman dengannya. Mereka hendaklah mentaati perintah Rasul. Adapun selepas wafatnya Rasulullah maka ada orang yang tidak sempat menemuinya, tidak lagi wajib taat kepada danya dan tidak pula boleh mengikut sunnahnya, yang boleh hanya mengikut Al-Quran Al-Karim sahaja.

Idea seperti itu sebenarnya telah mula lahir selepas wafatnya Rasulullah s.a.w. Ketika itu lahir satu golongan yang enggan mengeluarkan zakat harta mereka atas alasan kewajipan zakat itu adalah khusus untuk dibayar kepada Muhammad atau wakilnya semasa baginda masih hidup. Selepas wafatnya, kewajipan taat kepada Rasul di dalam perkara zakat ini telah gugur.

Abu Bakar As-Siddiq r.a. awal-awal lagi menyedari bahawa kefahaman seperti itu amat merbahaya kepada jemaah Muslim jika dibiarkan. Kerana pada saat itu mereka mula mengingkari ketaatan kepada Rasulullah s.a.w terhadap wajib zakat. Kemudiannya akan melarat kepada lainnya yang akhirnya mereka tidak mentaati As-Sunnah dan akhir sekali tidak mentaati Al-Quran Al-Karim.

Menyedari hal seperti itulah, Abu Bakar As-Siddiq sebagai khalifah pertama memerangi golongan yang menafikan kewajipan itu sehingga dilancarkan peperangan atau kembali taat kepada perintah tersebut.

Dari segi hukum Al-Quran, perintah taat kepada Rasulullah ini adalah perintah umum yang tidak dikaitkan dengan sebarang masa. Perintah seperti itu adalah untuk selama-lamanya. Bukanlah untuk suatu peringkat waktu sahaja kerana kalaualah betul perintah itu adalah untuk diikuti di zaman hidupnya sahaja, maka tentulah sahabat-sahabat Rasulullah akan meninggalkan ketaatan mereka kepada sunnah Rasulullah selepas wafatnya tetapi yang ternyata mereka itu mentaati hadits-hadits Rasulullah selepas wafatnya tanpa dipersoalkan tempoh ketaatan tersebut.

Lebih jelas daripada itu Rasulullah s.a.w. pernah bersabda dalam

haditsnya:

روى الحاكم وابن عبد البر بن عبد الله بن عمر ان رسول الله قال :
ثَرَكْتُ فِيْكُمْ أَمْرِيْنِ لَنْ تَصْلُوا مَا تَمَسَّكْتُمْ بِهِمَا كِتَابَ اللَّهِ وَسَنَّتِي

Diriwayatkan oleh al-Hakim dan Ibn Abdul Al-Bar daripada Abdullah bin Omar (r.a.) bahawasanya Rasulullah s.a.w. bersabda "Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara. Tidak sekali-kali kamu akan menjadi sesat selagi kamu berpegang (beramal) dengan kedua-duanya" kitab Allah (Al-Quran) dan sunnahku." (Al-Hadits)

عَنْ أَبْنَ عَبْدِ الْبَرِّ عَنْ عَرْبَادَ بْنِ سَارِيَةَ قَالَ : صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ أَنَّهَا مَوْعِدَةً ذَرَفَتْ مِنْهَا الْعَيْنُ وَوَجَلَتْ مِنْهَا الْقُلُوبُ
الصَّبِحَ فَوَاعَظَ مَوْعِدَةً بَلِيهَةً ذَرَفَتْ مِنْهَا الْعَيْنُ وَوَجَلَتْ مِنْهَا الْقُلُوبُ
فَقَيْلَ يَارَسُولَ اللَّهِ كَانَهَا مَوْعِدَةً مُوْدَعٌ فَأَوْصَيْنَا قَالَ عَلَيْكُمْ بِالسَّمْعِ وَالطَّاعَةِ
وَإِنْ كَانَ عَبْدًا حَبْشِيًّا فَإِنَّهُ مَنْ يَعْشُ مِنْكُمْ بَعْدِي فَسَيَرَى اخْتِلَافًا كَثِيرًا
فَعَلَيْكُمْ بِسَنَنِي وَسَنَنِ الْخُلُفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَتَدِّينَ عَضُوا عَلَيْهَا بِالْتَّوَاجِدِ

Daripada Ibnu Abdul Al-Bar, daripada Irbadz bin Sariyah katanya sesuatu ketika kami menunaikan solat subuh bersama Rasulullah s.a.w. Selepas solat, Rasulullah s.a.w. telah memberi nasihat yang amat berkesan sehingga meniliskan air mata dan mengecutkan segala hati. Dikatakan kepada baginda "Ya Rasulullah kata-kata ini seolah-olah nasibat perpisahan. Oleh itu berilah pesanan terakhir untuk kami. Katanya "Wajiblah kamu dengar dan taat walaupun terhadap seorang hamba Habsyi. Sesungguhnya sesiapa yang sempat hidup selepas aku, maka akan temui dengan perselisihan yang banyak oleh itu maka hendaklah kamu berpegang teguh dengan sunnahku dan sunnah khulafa' Rasyidin yang mendapat petunjuk, gigitlah sekual-kuatnya dengan geraham kamu." (Riwayat Ibni Hibban & Abu Daud)

Oleh yang demikian maka keraguan yang ditimbulkan itu sebenarnya tidak berasas. Ianya suatu penyelewengan untuk memesung umat Islam dari kebenaran As-Sunnah.

DETIK-DETIK PENYELEWENGAN TERHADAP AS-SUNNAH

Musuh-musuh Islam telah melancar serangan ganas sejak dari mula

lahirnya Islam itu ke atas dunia ini. Mereka telah menggunakan segala cara untuk menggugat kesucian itu bagi tujuan menjauhkan manusia dari menganutinya. Berbagai-bagai fitnah sengaja diadakan untuk menolak kebenaran Islam. Apa sahaja yang dapat mereka selewengkan ajarannya akan dilakukan dengan sungguh-sungguh untuk memadamkan cahaya petunjuk yang dianugerahkan Allah kepada manusia.

Segala keraguan dan penyelewengan yang berlaku terhadap As-Sunnah sehingga ke peringkat menafikannya, bukanlah suatu perkara baru, seperti yang diheboh-hebohkan akhir-akhir ini, sehingga menjadi suatu polemik yang masih belum reda. Masalah ini telah lama wujud bukan sahaja di kalangan musuh Islam yang nyata dari kalangan orang-orang kafir, musyrik dan mulhid, malah ianya berlaku juga dalam kelompok golongan yang mengaku diri mereka Muslim dan Mukmin.

Apa yang berlaku di hari ini mengenai penyelewengan terhadap As-Sunnah seperti menolaknya dari menjadi pegangan di dalam beramal, dibayangkan oleh Rasulullah s.a.w. di dalam sabdanya seperti dimuatkan oleh Abu Daud dalam sunannya juzuk 5 halaman 13:

لَا لِفَيْنَ أَحَدُكُمْ مُتَكَبِّرٌ عَلَىٰ أَرِيكَتُهُ يَأْتِيهُ الْأَمْرُ مِنْ أَمْرِيٍّ مِمَّا أَمْرَتُ بِهِ

أَوْ نَهَيْتُ عَنْهُ فَيَقُولُ لَا أَدْرِي مَا وَجَدْنَا فِي كِتَابِ اللَّهِ ابْعَدْنَا

"Tidak aku dapati (tidak sepatutnya berlaku) seseorang dari kamu yang duduk di atas tempat istirehat, kemudian datang kepadanya suatu perkara (bukum) dari aku, sama ada dalam bentuk suruhan atau larangan, lalu dia berkata aku tidak tahu. Apa yang wujud di dalam Al-Quran itu sabaja yang kami bendak ikut".

Meskipun sudah ada peringatan dari Rasulullah s.a.w. agar tidak membelakangi As-Sunnah, namun berlaku juga seperti yang diingatkan itu. Umat Islam sendiri meragui As-Sunnah selepas zamannya. Sekiranya diurut di tiap-tiap penyelewengan maka kita akan dapati seperti berikut:

Ketika peristiwa Usamah berlaku kerana isu pelantikan khalifah selepas zaman Uthman bin Affan r.a., golongan Khawarij menimbulkan kesangsian kepada setengah-setengah hadits Rasulullah s.a.w. sehingga ada di antara hadits-hadits itu yang ditolak langsung

dan diburuk-burukkan periwayat hadits dengan kafir dan sebagainya.

Dari kalangan Syiah pula, ekoran dari peristiwa itu ada yang hanya menerima dan beramal dengan hadits-hadits yang diriwayatkan oleh perawi-perawi dari kalangan mereka sahaja dan menolak yang lainnya walaupun diriwayatkan oleh Kibar As-Sahabah (sahabat yang kanan).

Ada pihak lain pula yang tidak mengakui hadits-hadits yang dipegang oleh golongan Khawariz dan tidak pula dengan hadits golongan Syiah tetapi ada golongan hadits lain pula yang mereka berpegang. Di peringkat ini hadits-hadits Rasulullah s.a.w. seolah-olah telah berpecah beberapa kelompok yang masing-masing berpegang dengan hadits dari kelompok mereka sahaja.

Keadaan bertambah buruk lagi bila lahir kalangan yang baru muncul dengan gelagat mereka cipta hadits atas kepentingan tersendiri. Hadits-hadits rekaan muncul dengan banyak yang menambah lagi kerumitan yang telah sedia ada.

Dari kalangan Mu'tazilah pula mereka mengambil sikap menolak hadits-hadits yang pada perhitungan mereka berlawanan dengan logik akal dan diterima hadits-hadits yang boleh diterima akal sahaja. Ada juga di kalangan mereka yang melaksanakan syarat-syarat yang amat ketat untuk menerima sesuatu hadits. Syarat-syarat itu jika hendak dipenuhi semuanya, bererti jarang sangat hadits yang boleh diterima sekiranya hendak menempuh syarat-syarat tersebut.

Dari formula yang dipegang oleh golongan Mu'tazilah itu terbukalah jalan seluas-luasnya kepada golongan Orientalis untuk mengkaji As-Sunnah atas nama kajian ilmiah. Dari kajian-kajian tersebutlah lahir buku-buku yang ditulis oleh Orientalis untuk menilaikan As-Sunnah dari perspektif Orientalisme.

Perlu disedari bahawa musuh Islam tidak akan henti-henti melancarkan serangan permusuhan terhadap Islam dengan berbagai-bagi cara. Allah s.w.t. telah mengingatkan umat Islam tentang bahaya itu dengan firmanNya:

لَتَجِدَنَّ أَشَدَّ النَّاسِ عَذَّوَةً لِلَّذِينَ أَمْنَوْا إِلَيْهُودًا وَالَّذِينَ أَشْرَكُوا

"Nescaya kamu akan dapati babawa manusia yang paling dahsyat permusuhannya dengan orang-orang yang beriman kepada Allah, ialah orang-orang Yahudi dan golongan-golongan yang mensyirikkan Allah" (Al-Maidah : 82)

Allah s.w.t mengingatkan lagi:

وَلَنْ تَرْضَى عَنْكَ الْيَهُودُ وَلَا النَّصَارَى حَتَّىٰ تَبَيَّنَ مِلَّهُمْ

"Dan tidak sekali-kali orang-orang Yahudi dan Nasrani akan redha (senang hati) dengan kamu (orang-orang yang beriman) sebinggalah kamu mengikuti agama (cara hidup) mereka" (Al-Baqarah : 120)

Dari pernyataan Al-Quran yang jelas, ternyata bahawa golongan yang bukan Islam khususnya orang-orang Yahudi, Nasrani dan lain-lain, adalah musuh Allah, musuh Rasul dan musuh umat Islam seluruhnya. Maka apakah yang diharapkan daripada kajian-kajian mereka tentang As-Sunnah. Apakah mereka akan tolong mengukuhkan As-Sunnah atau untuk menghancurkannya? Tentulah dari awal-awal lagi sudah dirasakan bahawa mereka akan memperalatkan apa yang dikatakan sebagai kaedah-kaedah saintifik, untuk menimbulkan keraguan umat Islam terhadap sunnah Rasulnya. Dari keraguan-keraguan yang sengaja diada-adakan itu akhirnya mereka akan sampai kepada menolak As-Sunnah sepenuhnya.

Taktik yang digunakan oleh musuh Islam amat halus dengan mengkaji As-Sunnah. Mereka tidak menyerang berterang-terangan tentang kesahihan As-Sunnah secara total. Mereka sekadar menimbulkan keraguan tentang beberapa hal. Tentang keperibadian beberapa perawi hadits. Tentang zaman pembukuannya, tentang adanya beberapa pertentangan antara ayat-ayat Al-Quran dan As-Sunnah. Tentang kesinambungan perawi-perawinya dan berbagai-bagai lagi.

Orientalis Goldzihar misalnya yang menjadi salah seorang peneroka ke arah menimbulkan aspek-aspek negatif di dalam kesahihan As-Sunnah, ialah membuat kajian khusus tentang As-Sunnah dan dibukukan kajian tersebut.

Di dalam buku tersebut dengan sengaja dimuatkan dengan fakta-fakta yang salah mengenai As-Sunnah, seperti yang telah dibuktikan

oleh Dr. Mustafa As-Siba'i dalam kitabnya *As-Sunnah Wa Makanatuba Fi At-Tasyri' Al-Islami*.

Kesalahan-kesalahan yang dilakukan itu lebih banyak merupakan fitnah yang diadakan terhadap sahabat-sahabat besar, perawi-perawi hadits yang pada dakwaannya mengada-ngadakan hadits yang memang tidak pernah disebut oleh Muhammad s.a.w.

Cara yang dibuat oleh Ignas Goldzihar, untuk meragui tentang As-Sunnah, menjadi ikutan kepada orientalis-orientalis lain yang berkecimpung di dalam bidang tersebut, seperti orientalis Joseph Schacht, G.H.A. Juynboll, Prof. Robson, Prof. Enderson dan lain-lain lagi.

Keseluruhan pengkaji-pengkaji dari kalangan yang bukan Islam, pada umumnya mereka meneroka sekadar menimbulkan keraguan dari fakta-fakta yang sengaja diadakan tetapi jarang sekali yang mereka membuat kesimpulan bahawa As-Sunnah itu semuanya palsu, semuanya bohong, semuanya karut.

Anehnya, apabila timbul dari kalangan umat Islam sendiri yang cuba-cuba menceluri bidang As-Sunnah ini dan cuba-cuba membaca sebuah dua buku hadits dari sumber barat, khususnya dari karangan orientalis, tiba-tiba golongan inilah yang berani membuat kesimpulan dengan dakwaan suatu penemuan baru menerusi kaedah saintifik kononnya bahawa hadits-hadits Rasulullah di dalam kitab-kitab hadits seluruhnya, semuanya adalah palsu dan tidak boleh dipakai.

Sahabat-sahabat Rasulullah amat memahami hakikat mentaati Rasulullah secara mutlak. Mereka menjadikan sunnahnya itu sebagai suatu ikutan dengan merujukkan kepadanya selepas mereka merujuk kepada Al-Quran Al-Karim. Umat Islam yang mengkaji dan mendalamai As-Sunnah telah lama membuat keputusan yang muktamad bahawa As-Sunnah adalah sumber yang kedua perundangan Islam. Hadits-hadits Rasulullah s.a.w. telah diuji-kaji dengan mendalam. Mereka meletakkan syarat-syarat yang ketat untuk menerima Al-Hadits. Akhirnya apa yang wujud sekarang ini telah ada keterangan-keterangan yang sah tentang kesahihan hadits yang tidak diragukan seperti yang terdapat di dalam sahih Al-Bukhari

dan lain-lainnya.

أَخْرَجَ أَبُو دَاوُدَ وَالترْمِذِيُّ مِنْ حَيْثُ مُعَاذٌ بْنُ جَبَلٍ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَيْثُ بَعَثَهُ إِلَى الْيَمَنِ فَقَضَيَا قَالَ: كَيْفَ تَقْضِي إِذَا عَرَضَ لَكَ قَضَاءً قَالَ أَقْضِي بِكِتَابِ اللَّهِ فَإِنْ لَمْ تَجِدْ قَالَ فَبِسُنْنَةِ رَسُولِ اللَّهِ قَالَ فَإِنْ لَمْ تَجِدْ قَالَ أَجْتَهَدُ رَأِيِّي

Dikeluarkan oleh Abi Daud dan At-Tarmizi dari Muaz bin Jabal dari Rasulullah s.a.w. bahawa Rasulullah s.a.w. telah bertanya Muaz ketika hendak diutarakannya ke Yaman sebagai Kadi: "Bagaimana kamu hendak memutuskan sesuatu yang dibadapkan kepada kamu" Kata Muaz "Saya akan membuat keputusan menurut mana yang tersabit di dalam Al-Quran". Tanya Rasulullah lagi: kalau kamu tidak dapat padanya, jawabnya: "Maka dengan sunnah Rasulullah" Tanya baginda lagi "Sekiranya tidak juga dafati di dalam As-Sunnah"; Jawabnya "Saya akan berijtihad".

Umar Al-Khattab juga pernah menulis surat kepada salah seorang kadi di zamannya yang bernama Syureeh dengan katanya yang bermaksud

"Sekiranya berlaku sesuatu perkara yang memerlukan keputusan kamu, maka hukumlah dengan berpandukan kitab Allah. Sekiranya tidak didapati padanya maka hukumlah berdasarkan apa yang wujud di dalam sunnah Rasulullah."

MENGAPA AS-SUNNAH DISELEWENGAKAN

Islam adalah cahaya. Kufur adalah gelita. Sekiranya keadaan gelita hendak dipertahankan maka hendaklah cahaya dijauhkan. Cahaya dan gelita adalah dua hal yang berlainan. Dua musuh yang tidak boleh didamaikan. Oleh itu maka tidak hairan mengapa Islam ditentang oleh musuhnya.

Penentangan terhadap Islam telah dilancarkan dengan berbagai bentuk rupa, dengan kekuatan fizikal, dengan melalui fitnah-fitnah terhadap diri dan peribadi Rasulullah, terhadap sahabat-sahabat dan

terhadap sekalian umat Islam. Semua penentangan-penentangan itu tidak sangat kesan, kerana kefahaman yang sedia ada pada umat Islam seluruhnya.

Kekukuhan Islam bergantung sepenuhnya kepada Al-Quran Al-Karim dan sunnah Rasulnya. Kedua-duanya adalah tunjang utama yang menjamin kestabilan Islam. Untuk mengugat Al-Quran Al-Karim bagi tujuan meragui kebenarannya adalah sesuatu yang amat sukar. Lebih-lebih lagi kerana jaminan Allah terhadap Al-Quran itu sendiri dengan firman-Nya:

إِنَّا نَعْلَمُ مَا تَرَكُوا وَإِنَّا لَنَعْلَمُ فِتْنَتَكُمْ

"Kamilab (Allah) yang menurunkan Al-Quran dan Kamilab yang akan menjaganya" (Al-Hijr : 9)

Kerana itu maka musuh-musuh Islam beralih kepada As-Sunnah untuk mengugatnya dengan harapan sekiranya diselewengkan hingga ditolak semuanya, maka akan robohlal satutunggak utama Islam itu, yang akhirnya akan mengugatkan Islam itu sendiri.

As-Sunnah menjadi sasaran serangan yang dilancarkan oleh musuh-musuh Islam kerana terdapat banyak peluang untuk mereka berbuat demikian. Lebih-lebih lagi di saat kefahaman umat Islam itu sendiri terhadap As-Sunnah yang boleh dipertikaikan. Pengetahuan mereka tidak mendalam. Penghayatan mereka terhadap As-Sunnah itu sendiri semacam berkurangan.

Penyelewengan yang dilakukan itu berbentuk:

1. Mereka cipta hadits yang dikenali dengan hadits-hadits palsu.
2. Mereka cipta keraguan terhadap beberapa hadits sahih.
3. Memburuk-burukkan perawi-perawi hadits dengan fitnah-fitnah jahat, agar hadits-hadits yang diriwayatkan oleh mereka ditolak.
4. Memberi tafsiran-tafsiran yang menyeleweng dari tujuan sebenar hadits-hadits tersebut.

5. Mendakwa ada hadits-hadits baru yang diterima dari Rasulullah s.a.w. melalui mimpi yang berlawanan dengan ajaran Islam yang telah sedia menetap dan lain-lain lagi.

BAHAYA-BAHAYA PENYELEWENGAN

Apabila As-Sunnah diselewengkan seperti yang dijelaskan sebelum ini, maka timbullah padahnya di dalam masyarakat Islam antaranya:

1. Keraguan terhadap As-Sunnah

Adalah diakui bahawa telah wujud di kalangan umat Islam sendiri yang meragui terhadap As-Sunnah sama ada sebahagiannya atau keseluruhannya. Keraguan tersebut mengakibatkan kekecohan yang berpanjangan dan memakan masa yang panjang pula untuk melenyapkan keraguan itu. Meskipun telah dijalankan dalam berbagai-bagai penjelasan, namun keraguan tersebut tetap wujud.

Apabila berlaku umat Islam sendiri yang meragui satu sumber penting dari sumber-sumber perundangan Islam, lanya memberikan implikasi yang buruk terhadap orang lain. Dengannya timbulah kesan-kesan yang negatif terhadap Islam itu sendiri secara keseluruhannya.

2. Penjelasan terhadap akidah

Aqidah adalah asas yang di atasnya dibangunkan Islam. Lanya tunjang utama untuk menegakkan syariat Islam yang menyeluruh. Aqidah Islam berteraskan Al-Quran dan As-Sunnah. Sekiranya As-Sunnah sudah berlaku pemalsuan, maka aqidah yang dibina di atasnya juga akan palsu. Kepalsuan aqidah akan membawa kepada kesesatan yang nyata. Dengannya lemahlah umat Islam dan malaplah Islam itu sendiri.

3. Kekeliruan dalam amalan

Perlaksanaan amalan-amalan kelslaman banyak diasaskan di atas As-Sunnah. Apabila As-Sunnah itu diselewengkan maka berlakulah kekeliruan dalam amalan. Akibatnya sama ada umat Islam yang terpengaruh dengannya akan meninggalkan langsung amalan

tersebut kerana adanya kekeliruan itu atau pun akan menyebabkan porak-peranda dalam masyarakat Islam. Dari kekeliruan yang wujud pastilah akan berlaku keguncangan dalam kefahaman terhadap As-Sunnah. Dengannya juga akan menjelaskan kepada Islam itu sendiri.

4. Pecah-belah dan porak-peranda

Tidak dapat dinafikan bahawa kesatuan umat dan kestabilan adalah bergantung kepada kesatuan fikrah tujuan yang dituju di dalam kehidupan beragama. Apabila As-Sunnah diselewengkan yang memecah-belahkan fikrah Islamiyah serta tujuan di dalam amalan, maka akan mengakibatkan pecah-belah dan porak-peranda di dalam masyarakat Islam.

5. Penolakan terhadap As-Sunnah seluruhnya

Memanglah telah berlaku penolakan terhadap As-Sunnah seluruhnya hasil dari penyelewengan yang berlaku selama ini. Akibatnya berlakulah kemurtadan ke atas penolak-penolak As-Sunnah seperti yang diputuskan oleh ulama' Islam kerana kesahihan As-Sunnah itu adalah thabit. Penerimaan ke atasnya adalah wajib. Beramal dengannya juga adalah wajib. Kerana itu penolakan terhadap As-Sunnah akan menyebabkan penolakan terhadap sebahagian besar amalan-amalan Islam, seperti di dalam ibadat, munakahat, jenayah dan sebagainya.


LANGKAH UNTUK MENGATASI PENYELEWENGAN


Untuk mengatasi segala masalah yang timbul dari penyelewengan terhadap As-Sunnah maka banyak langkah yang boleh diambil. Antaranya:

1. Umat Islam perlu diberikan penjelasan yang sebaik-baiknya terhadap As-Sunnah melalui sistem pendidikan yang formal, agar tertanam ke dalam jiwa mereka kecintaan terhadap As-Sunnah itu semantap-mantapnya bagi memudahkan mereka

menolak sebarang penyelewengan terhadapnya.

2. Bahan-bahan bacaan mengikut peringkat umur umat Islam perlu diusahakan penulisannya agar mudah mereka dapat bagi merujukkan kepadanya apabila berlaku sesuatu kekeliruan.
3. Perlu ada sesuatu tindakan yang tegas dan berkesan terhadap orang-orang yang sengaja menimbulkan fitnah terhadap As-Sunnah dengan menggunakan segala peruntukan undang-undang yang ada. Atau mengadakan peruntukan baru sebagai langkah menghadapi golongan perosak itu mengawal masyarakat dari terperangkap dengan taktik mereka.
4. Perlu diwujudkan suatu badan tertinggi Islam, sebagai tempat rujuk di dalam masalah-masalah kekeliruan umat yang dapat dihubungi segera dan diberi jawapan segera. Hal sebegini amat perlu bagi membendung masalah yang mengelirukan itu dari membesar dan meluas.
5. Sekarang ini kebanyakkan masalah-masalah kekeliruan umat, tidak diberi perhatian dan tindakan segera dari pihak yang berwajib. Kadang-kadang memakan masa bertahun-tahun atau tergantung selama-lamanya tanpa penjelasan, yang menyebabkan berbagai-bagai penyelewengan berlaku.
6. Institusi-institusi pengajian tinggi Islam hendaklah dikerah ke arah lebih peka terhadap isu-isu kelslamatan dengan mengadakan program pengajian dan penyelidikan yang berkesan khususnya ke arah mengawal As-Sunnah dari diselewangkan.





MEMAHAMI HADITS DHA'IF DAN HADITS MAUDHU' UNTUK MENGELAKKAN DARI PENYELEWENGAN DALAM AGAMA

disunting oleh Muhammad Haniff Hassan

Pengenalan

Artikel ini membicarakan mengenai apa itu hadits yang lemah dan palsu serta bagaimana mengenali ciri-ciri hadits yang sedemikian. Ia juga menyatakan hukum yang perlu dipatuhi oleh umat Islam apabila menerima dan menyampaikan hadits yang lemah atau palsu.

Artikel ini disertakan dalam buku ini kerana kebanyakan ajaran-ajaran sesat bersandarkan pada hadits-hadits yang lemah dan palsu. Mereka yang tidak mengenali hadits yang sedemikian akan mudah tertipu dan mengamalkannya sehingga menyebabkan penyelewengan dalam amalan dan akidah.

PENGERTIAN HADITS DHA'IF¹

Hadits *Dha'if* didefinisikan oleh ulama sebagai:

"Hadits yang kehilangan satu syarat atau lebih dari syarat-syarat

¹ Drs Fatchur Rahman, *Ikhtisar Musbtalabul Hadits*, PT Al-Maarif, Indonesia, 1978, ms 140 - 156 & 200 - 202.

Hadits Sabib² atau Hadits Hasan³

Hadits *Dha'if* mempunyai pelbagai jenis dan setiap jenis mempunyai berbezaan darjat bergantung pada banyak atau sedikit kelemahan yang ada padanya jika dibandingkan dengan syarat Hadits Sahih dan Hasan.

Al-'Iraqy membahagi Hadits *Dha'if* menjadi 42 bahagian dan sebahagian ulama yang lain, membahaginya menjadi 129 bagian.

JENIS-JENIS HADITS DHA'IF MENURUT AHLI HADITS⁴

Sebuah hadits dilihat lemah dari salah satu daripada dua sudut atau kedua-dua sudut berikut;

- a. Dari sudut Sanad, iaitu 2 jenis:
 - i. Apabila wujud kecacatan pada perawinya, baik dari sudut keadilannya atau pun hafalan.

Para ulama menyenaraikan 10 sebab yang mencacatkan keadilan dan hafalan seorang perawi, iaitu

- 1. Berdusta. Hadits *Dha'if* yang terdapat perawi yang berdusta disebut Hadits *Maudbu'*.

-
- 2 Syarat Hadits *Sabib* ialah

- Bersambung sanadnya terus menerus dari perawi hingga ke Rasulullah s.a.w.
- Semua perawinya adil.
- Semua perawinya benar dan tepat hafalannya.
- Tiada *syaz* (keganjilan).
- Tiada *'illah* (sebab kecelaan).

- 3 Hadits *Hasan* ialah hadits yang mempunyai semua syarat di atas tetapi seorang atau lebih dari rawinya mempunyai sedikit kelemahan.

² Drs Fatchur Rahman, *Iktisar Mustalabul Hadits*, ms 141-142

- 2 Tertuduh berdusta. Hadits *Dha'if* yang terdapat perawi tertuduh berdusta disebut Hadits *Matrak*.
- 3 Fasiq.
- 4 Banyak kesalahan dalam hafalan.
- 5 Lengah dalam hafalan.

Hadits *Dha'if* yang terdapat perawi yang fasiq, banyak salah dan lengah disebut Hadits *Munkar*.

- 6 Banyak waham (ketidakpastian dalam hafalan). Hadits *Dha'if* yang terdapat perawi yang *waham*, disebut Hadits *Mu'allal*.
- 7 Menyalahi riwayat perawi yang *tsiqab*. Jika menyalahi perawi yang *tsiqab* tersebut kerana dengan penambahan sesuatu, haditsnya disebut Hadits *Mudraj*. Jika menyalahi perawi yang *tsiqah* dengan memutar-balikkan haditsnya disebut Hadits *Maqlub*. Jika menyalahi perawi yang *tsiqab* dengan menukar-nukar perawi, haditsnya disebut Hadits *Mudharib*. Jika menyalahi perawi yang *tsiqah* dari sudut baris dan huruf, haditsnya disebut Hadits *Mubaraf* dan dari sudut titik, haditsnya disebut Hadits *Mushabbaf*.
- 8 Tidak diketahui identiti perawi (*jabalab*). Hadits *Dha'if* yang kerana *jabalab* ini, disebut Hadits *Mubbam*.
- 9 Penganut bid'ah: Hadits *Dha'if* yang diriwayatkan oleh perawi yang mengamalkan bid'ah disebut Hadits *Mardud*.
- 10 Tidak baik hafalannya. Hadits *Dha'if* yang kerana ini, disebut Hadits *Syadz* dan *Mukhtalith*.
- ii. Apabila sanad tidak bersambung disebabkan adanya seorang perawi atau lebih yang digugurkan atau tidak bertemu antara satu dengan yang lain.

Berikut pula sebab-sebab Sanad terputus dan jenis-jenis

haditsnya di sisi ulama:

1. Kalau yang digugurkan itu Sanad pertama, maka Haditsnya disebut hadits *Mu'allaq*.
 2. Kalau yang digugurkan itu Sanad terakhir (Sahabat), disebut hadits *Mursal*.
 3. Kalau yang digugurkan itu dua orang rawi atau lebih berturut-turut, disebut Hadits *Mu'dal*.
 4. Jika tidak berturut-turut, disebut dengan hadits *Munqathi'*.
- b. Dari jurusan Matan.

Hadits *Dha'if* yang disebabkan suatu sifat yang terdapat pada *Matan*, ialah hadits *Manquf* dan hadits *Maqthu'*.

HADITS MAUDHU'⁵

Hadits *Maudhu'* adalah hadits *Dha'if* yang paling lemah sekali kerana pada hakikatnya ia bukanlah kata-kata atau perbuatan Rasulullah s.a.w bahkan kebanyakannya darinya merupakan pembohongan terhadap Rasulullah s.a.w.

Oleh itu, kandungannya bukanlah sebahagian dari Islam. Mengamalkannya boleh membawa kepada kesesatan dan bid'ah yang tercela.

PENGERTIAN HADITS MAUDHU'

Hadits *Maudhu'* didefinisikan oleh ulama sebagai;

"Hadits yang dicipta serta dibuat oleh seseorang (pendusta) yang ciptaan itu disandarkan

⁵ Drs Fatchur Rahman, *Iktisar Mustalabul Hadits*, ms 142

kepada Rasulullah s.a.w secara palsu dan dusta, sama ada secara sengaja atau tidak.”

Yang dimaksudkan dengan perawi yang berdusta kepada Rasulullah s.a.w ialah mereka yang pernah berdusta dalam membuat hadits, walaupun hanya sekali seumur hidupnya. Hadits yang mereka riwayatkan tidak dapat diterima, walaupun mereka telah taubat sekalipun. Berlainan halnya dengan periyawatan orang yang pernah bersaksi palsu, jika ia telah bertaubat dengan sungguh-sungguh, maka dapat diterima.

PENGERTIAN HADITS MAUDHU⁶

Sebagaimana para ulama menciptakan kaedah-kaedah dan ketentuan-ketentuan untuk mengetahui samada sesuatu hadits itu *Shabib*, *Hasan* atau *Dha'if*, mereka juga menentukan ciri-ciri untuk mengetahui hadits *Maudhu'*. Mereka menentukan ciri-ciri yang terdapat pada sanad dan ciri-ciri yang terdapat pada matan Hadits.

Sebagaimana hadits *Dha'if*, hadits *Maudhu'* juga dapat dikenali dari sudut sanad dan matan.

Ciri-ciri yang terdapat pada sanad bagi membuktikan bahawa ia adalah Hadits *Maudhu'*, ialah

1. Pengakuan dari si pembuat hadits sendiri seperti jawaban seorang guru Tasawuf, ketika ditanya oleh Ibnu Ismail tentang hadits keutamaan ayat-ayat Al-Quran yang diriwayatkan olehnya;

“Tidak seorangpun yang meriwayatkan Hadits kepadaku. Akan tetapi ketika kami melihat manusia-manusia semua membenci Al-Quran, kami ciptakan untuk mereka Hadits ini (tentang keutamaan ayat-ayat Al-Quran), agar mereka menaruh perhatian untuk mencintai Al-Quran.”

⁶ Drs Fatchur Rahman, *Iktisar Mustalabul Hadits*, ms 142-147

Walau bagaimana pun mengikut Ibn Daqiq Al-'Id, pengakuan seorang perawi belum dapat dipastikan bahawa hadits itu *Maudhu'* kerana mungkin sekali perawi itu bohong dalam pengakuannya.

2. *Qarinah-qarinah* (tanda-tanda) yang memperkuat adanya pengakuan membuat Hadits *Maudhu'*.

Misalnya seorang perawi mengaku menerima hadits dari seorang guru, padahal ia tidak pernah bertemu dengan guru tersebut atau menerima dari seorang guru yang telah meninggal dunia sebelum ia dilahirkan.

3. *Qarinah-qarinah* (tanda-tanda) yang berkaitan dengan tingkah lakunya

Sebagai contoh ialah hadits yang diucapkan oleh Ghiyats bin Ibrahim, dikala ia berkunjung ke rumah Al-Mahdi yang sedang bermain dengan burung merpati;

لَا سَبِقَ إِلَّا فِي نَصْلٍ أَوْ حُفَّ أَوْ حَافِرٍ أَوْ جَنَاحٍ

"Tidak sab perlombaan itu selain: mengadu anak panah, mengadu unta, mengadu kuda atau mengadu burung."

Perkataan *Au Janahain* (atau mengadu burung) adalah perkataan Ghiyats sendiri yang dengan ia tambahkan di akhir Hadits yang ia ucapkan dengan maksud untuk membesarakan hati atau setidak-tidaknya, memberarkan tindakan Al-Mahdi yang sedang bermain burung.

Tingkah laku Ghiyats semacam itu menjadi qarinah untuk menetapkan bahawa haditsnya adalah *Maudhu'*.

Ciri-ciri yang terdapat pada matan hadits *Dha'if* boleh dilihat dari segi pengertian dan lafaznya. Dari segi pengertian, hadits *Maudhu'* boleh dikenali jika pengertiannya bertentangan dengan Al-Quran, hadits *Mutawatir*, *Ijma'* atau dengan logik yang sihat.

Contoh hadits *Maudhu'* yang maknanya bertentangan dengan Al-Qur'an, ialah hadits:

وَلَدُ الزِّنَا لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ إِلَى سَبْعَةِ أَبْنَاءٍ

"Anak zina itu, tidak dapat masuk syurga, sampai tujuh keturunan."

Pengertian hadits ini bertentangan dengan kandungan surah Al-An'am:164

وَلَا نَزُرُ وَازِرَةٍ وَزَرَ أُخْرَى

"Dan seorang yang berdosa tidak akan memikul dosa orang lain" (Al-An'am : 164)

Ayat ini menjelaskan bahawa dosa seseorang tidak dapat dibebankan kepada orang lain. Maka dosa ibu bapa yang berzina tidak boleh dibebankan pada anak zina.

Contoh lain ialah seperti hadits yang menjelaskan umur dunia, iaitu:

مِقْدَارُ الدُّنْيَا سَبْعَةُ الْأَلَافِ سَنَةٍ وَيَحْيَىٰ فِي الْأَلْفِ السَّابِعَةِ

"Umur dunia itu 7,000 tahun, dan sekarang datang pada ribuan yang ke 7."

Hadits tersebut adalah sedusta-dusta hadits. Sebab andaikata hadits itu benar, nescaya orang sekarang ini tinggal beberapa puluh tahun saja. Padahal Allah telah menjelaskan bahwa hanya la sendiri yang mengetahui bila datangnya hari Kiamat.

Firman Allah s.w.t:

يَسْأَلُونَكَ عَنِ السَّاعَةِ أَيَّانَ مُرْسَنَهَا قُلْ إِنَّمَا عِلْمُهَا عِنْدَ رَبِّ الْأَرْضِ لَا يَحْلِمُهَا لَوْقَتِهَا الْأَهْوَى

"Mereka menanyakan kepadamu tentang hari qiyamat. "Bilakah terjadinya?" Sesungguhnya pengetahuan tentang hari qiyamat itu adalah pada sisi Tubanku, tidak seorang pun yang dapat menjelaskan kedatangannya sampai hari Kiamat, selain dari Dia" (Al-Araf : 187)

Contoh hadits *Maudbu'* yang bertentangan dengan hadits *Mutawatir* ialah hadits yang memuji orang-orang yang memakai nama Muhammad atau Ahmad.

وَإِنْ كُلُّ مَنْ يَسْمَى بِهَذِهِ الْأَسْمَاءِ (مُحَمَّدٌ وَأَحْمَدٌ) لَا يَدْخُلُ النَّارَ

"Babwa setiap orang yang dinamakan nama-nama (Muhammad Ahmad dan semisalnya) ini, tidak akan dimasukkan di neraka".

Hadits tersebut adalah bertentangan dengan sunnah-sunnah Rasulullah s.a.w. yang menerangkan bahwa neraka itu tidak dapat ditebus dengan nama-nama tersebut akan tetapi keselamatan dari neraka itu kerana keimanan dan amal soleh.

Contoh hadits-hadits *Maudbu'* yang bertentangan dengan ijma', ialah hadits-hadits yang dikemukakan oleh golongan Syiah, tentang wasiat Rasulullah s.a.w. kepada Ali r.a. untuk menjadi Khalifah, yang menurut mereka bahawa sahabat bersepakat untuk membekukan wasiat tersebut.

الله صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَخَذَ يَدِ عَلَيٍّ بْنِ أَبِي طَالِبٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ بِمَحْضِهِ مِنَ الصَّحَابَةِ كُلِّهِمْ وَهُمْ رَاجِعُونَ مِنْ حِجَّةِ الْوَدَاعِ فَاقَامَهُ بَيْنَهُمْ حَتَّى عَرَفَهُ الْجَمِيعُ ثُمَّ قَالَ هَذَا وَصْبَرْ وَأَنْجَى وَالْخَلِيفَةُ بَعْدِي فَاسْمَعُوا وَأَطِيعُوا

"Babwa Rasulullah s.a.w. memegang tangan Ali bin Abi Talib r.a. di hadapan para sahabat seluruhnya, yang baru kembali dari haji Wada'. Kemudian Rasulullah s.a.w. membangkitkan Ali, sehingga para sahabat mengetahui semuanya. Lalu beliau bersabda: "Ini adalah wasiatku (orang yang saya beri wasiat) dan saudaraku, serta khalifah setelah aku nanti. Oleh kerana itu dengarlah dan taatilah ia".

Hadits tersebut adalah *Maudbu'* kerana bertentangan dengan ijma' seluruh umat bahwa Rasulullah s.a.w tidak menetapkan (menunjuk) seorang pengganti sesudah baginda meninggal dunia.

Dari segi lafaznya iaitu bila susunan kalimatnya tidak baik serta tidak fasih. Termasuk dalam hal ini ialah susunan kalimat yang sederhana, tetapi isinya berlebih-lebihan. Umpamanya berisikan pahala yang besar sekali bagi amal perbuatan yang sedikit (kecil). Misalnya hadits *Maudlu'*:

لُقْمَةُ فِي بَطْنِ جَائِعٍ أَفْضَلُ مِنْ بَنَاءِ أَلْفِ جَامِعٍ

"Sesuap makanan di perut si lapar, adalah lebih baik daripada membangun seribu masjid Jami."

dan seperti hadits *Maudbu'*:

مَنْ قَالَ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ خَلَقَ اللَّهُ مِنْ تِلْكَ الْكَلْمَةِ طَائِرًا لَهُ سَبْعُونَ لَفْظٍ لِسَانٍ
لِكُلِّ لِسَانٍ سَبْعُونَ لَفْظٍ لُّغَةٌ يَسْتَغْفِرُونَ لَهُ

"Barangsiapa mengucapkan tablil (La Ilaha Illallah) maka Allah menciptakan dari kalimat itu seekor burung yang mempunyai 70,000 lisam, dan setiap lisam mempunyai 70,000 babasa yang dapat memintakan ampun kepada-Nya."

Kalau ketidak fasihan itu, hanya terletak pada susunannya sahaja, sedangkan isinya tidak rosak, menurut pendapat Ibnu Hajar, tidak dapat dipastikan sebagai Hadits Maudhu', sebab ada kemungkinan bahwa perawi hanya meriwayatkan maknanya saja, sedang susunannya yang ia susun sendiri kurang fasih.

SUMBER-SUMBER HADITS MAUDHU'⁷

Para pembuat hadits *Maudbu'*, dalam menjalankan tugasnya, kadang-kadang mengambil dari fikiran sendiri semata-mata dan kadang-kadang menukil dari perkataan orang-orang yang dipandang alim pada waktu itu atau perkataan orang alim mutaqaddimin.

Misal hadits *Maudlu'* yang dinukil dari perkataan orang-orang mutaqaddimin, ialah:

حُبُّ الدُّنْيَا رَأْسُ كُلِّ خَطِيبَةٍ

"Cinta keduniawan ialah punca segala kesalahan"

Perkataan ini sesungguhnya adalah perkataan Malik bin Dinar tetapi oleh pembuat Hadits *Maudlu'* dibanggakan (didakwakan) sebagai sabda Nabi Muhammad s.a.w.

TANDA-TANDA HADITS MAUDHU'⁸

Diantara tanda yang dapat dikenali berlakunya kepalsuan sesebuah

⁷ Drs Fatchur Rahman, *Iktisar Mustalabul Hadits*, ms 147-148

⁸ Ab. Latif b. Muda & Rosmawati Ali @ Mat Zin, *Pengantar Ilmu Taubid*, Pustaka Salam 1998, ms 456 - 460

hadis dari sudut sanad ialah:

- a Rawinya adalah seorang yang dikenali sebagai pendusta.
- b Rawi itu telah mengakui sendiri tentang pendustaan yang dilakukannya. Contohnya pengakuan yang dibuat oleh Nuh Ibn Abi Mariam.
- c Ia meriwayatkan hadis daripada seseorang syeikh, tetapi apabila ditanya tentang diri syeikh yang diterima hadis itu, ia memberi maklumat yang tidak betul, bahkan ia tidak pernah berjumpa dengan syeikh itu ataupun dia dilahirkan selepas kematian syeikh tersebut, ataupun ia dan syeikh itu tinggal di tempat yang berlainan dan tidak pernah bertemu.
- d Dapat diketahui dengan melihat kedudukan perawi itu sendiri yang mencipta hadits dengan tujuan mlariskan jualannya seperti:

الهَرِيسَةُ تَشْدُدُ الظَّهَرُ

"Al-Harisah (sejenis makanan daripada gandum yang dikisar dengan daging) dapat menguatkan belakang."

Perea hadis palsu ini ialah Muhammad Ibn Al-Hajjaj Al-Lakhmi yang merupakan seorang penjual harisah.

Di antara landasan untuk mengenali hadis palsu dari sudut matan sebagaimana yang dinyatakan oleh Imam Ibn Al-Qayyim di dalam kitabnya Al-Mannar, kemudian kitab tersebut diringkaskan oleh Al-Allamah Mala Ali Al-Qari sebagaimana berikut:

- a Gaya bahasa yang lemah dan tidak sesuai dengan taraf Nabi, juga ia menunjukkan kecacatan dari sudut bahasa dan keseniannya. Kerana Nabi terkenal dengan seorang yang fasih dan bercakap dengan menggunakan uslub dan gaya bahasa yang tinggi dan cantik. Contohnya:

مَنْ قَبَلَ لِأَلَّا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ خَلَقَ اللَّهُ مِنْ تِلْكَ الْكَلِمَةِ طَائِرًا لَهُ سَبْعُونَ أَلْفَ لِسَانٍ

لِكُلِّ لِسَانٍ سَبْعُونَ أَلْفَ لِغَةً يَسْتَعْفِرُونَ لَهُ

"Sesiapa yang mengucapkan La Ilaha Illab Allah, Allah menjadikan setiap

perkataan atau kalimah tersebut burung yang mempunyai 70000 lidah dan pada setiap lidah pula dijadikan 70000 babasa yang memohon ampun untuknya."

- b) Menunjukkan erti yang tidak betul dan menyalahi akal yang waras, bahkan ia tidak dapat ditakwilkan. Contohnya:

إِنَّ سَفِينَةً تُوحِّدُ طَافَتْ بِالْبَيْتِ سَبَعاً وَصَلَّتْ بِالْمَقَامِ رَكْعَيْنِ

"Sesungguhnya kapal Nabi Nuh telah bertawaf di Baitullah sebanyak tujuh kali, kemudian bersembang yang di sisi maqam Nabi Ibrahim sebanyak dua rakaat."

- c) Menyalahi panca indra dan hakikat. Contohnya ialah:

الْبَذَنَجَانِ شِفاءً مِنْ كُلِّ دَاءٍ

"Buah terung ubat segala penyakit."

- d) Menunjukkan maksud matan yang lucu. Contohnya:

رَبِيعُ أَمْتَنِ الْعَنْتُ وَالْمِطْبَحُ

"Musim bunga umatku ialah anggur dan tembikai."

- e) Menunjukkan percanggahan dengan syariat dan kaedah-kaedahnya. Ia juga menunjukkan ada pertentangan dengan tujuan-tujuan yang telah ditetapkan dalam syariat. Contohnya:

خَيْرُكُمْ بَعْدَ الْمَا تَئِنُّ مِنْ لَازِوْجَةَ لَهُ وَلَا وَلَدَ

"Sebaik-baik kamu ialah yang selepas 200 tabun yang mana ia tidak mempunyai isteri dan tidak mempunyai anak."

- f) Hadis ini jelas pertentangan dengan kaedah syariat yang menggalakkan umatnya beranak-pinak dan memilih keturunan yang ramai.

- f) Bercanggahan dengan bidang perubatan dan kedoktoran. Contohnya:

أَكْلُ السَّمَكِ يُؤْهِنُ الْجَسَدَ

"Memakan ikan boleh melemahkan badan."

- g. Hadis yang menyatakan tentang tarikh tertentu sebagaimana contohnya:

**إِذَا اكْشَفَ الْقَمَرُ فِي الْمُحَرَّمٍ كَانَ الْعَلَاءُ وَالْقِتَالُ وَشَعْلُ السُّلْطَانِ
وَإِذَا اكْشَفَ فِي صَفَرٍ كَانَ كَذَا كَذَا**

"Apabila berlaku gerhana bulan dalam bulan Muharram: Akan berlaku pemberontakkan, perperangan dan pemerintahan akan sibuk, dan apabila berlaku gerhana dalam bulan Safar adalah demikian-demikian pula."

- h. Bercanggah dengan Al-Quran dan hadis Mutawatir. Contohnya ialah:

وَلَدُ الرِّنَّا لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ أَلَيْ سَبْعَةُ أَبْنَاءِ

"Anak zina itu tidak dapat masuk ke syurga bingga tujuh keturunan."

Hadis ini jelas pertentangan dengan Al-Quran yang menyatakan bahawa seseorang itu tidak dibebani dengan dosa orang lain. Sebagaimana firman Allah s.w.t:

وَلَا تَكْسِبُ كُلُّ نَفِيسٍ إِلَّا عَلَيْهَا وَلَا تَرُرُ وَازِرَةً وَزَرَ أُخْرَىٰ

"Dan seseorang yang boleh memikul, tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain (babkan dosa usabanya sabaja)... "(Surah al-An'am ayat 164)

SEBAB-SEBAB YANG MENDORONG UNTUK MEMBUAT HADITS MAUDHU'

Motif-motif yang mendorong mereka membuat hadits Maudlu' dan lingkungan yang menyebabkan tumbuhnya, antara lain:

1. Mempertahankan ideologi kumpulan sendiri dan menyerang kumpulan lain.

Pertentangan politik yang timbul sejak akhir pemerintahan Utsman dan awal pemerintahan Ali adalah merupakan sebab-sebab yang langsung munculnya hadits-hadits Maudhu'. Di waktu itu timbul Syiah

⁹ Drs Fatchur Rahman, *Iktisar Mustalabul Hadits*, ms 148-154

dan golongan Muawiyah dan setelah selesai perang Siffin timbul pula golongan Khawarij. Di antara golongan-golongan tersebut, golongan Syiah Rafidhah adalah yang paling banyak membuat hadits *Maudbu'*. Imam Syafi'i berkata:

"Saya tidak melihat sesuatu kaum yang lebih berani berdusta selain kaum Rafidhah."

Syiah membuat hadits-hadits *Maudbu'* tentang keutamaan Ali dan Ahli Bait (keluarga-keluarga Rasulullah s.a.w). Misalnya Hadits *Maudbu'* mengenai keutamaan Fatimah:

لَمَّا أَسْرَى بِالنَّبِيِّ أَتَاهُ جَرِيلٌ بِسَفَرِ جَلَّهُ مِنَ الْجَنَّةِ
فَعَلَقَتِ السَّيِّدَةُ حَدِيْجَةُ بِفَاطِمَةَ فَكَانَ إِذَا اشْتَاقَ
إِلَى رَأْحَةِ الْجَنَّةِ شَمَّ فَاطِمَةَ

"Ketika nabi Muhammad s.a.w. dilaksanakan *Isra' kan*, Jibril datang memberikan buah Saparjalab (semacam epel) dari syurga, lalu dimakannya. Kemudian Khadijah menghubungkan buah tersebut dengan Fatimah kerana itu bila Rasulullah s.a.w. rindu bau-bauan syurga beliau mencium Fatimah."

Hadits ini *Maudbu'* kerana Fatimah dilahirkan sebelum terjadi peristiwa *Isra'* sebagaimana halnya Khadijah telah meninggal sebelum *Isra'*.

Di samping golongan Syiah membuat hadits-hadits *Maudbu'* untuk memuji golongannya sendiri, mereka juga membuat hadits *Maudbu'* untuk menjelek-jelekan lawannya. Misalnya untuk menjelekkan Muawiyah, mereka membuat hadits:

إِذَا رَأَيْتُمْ مُعَاوِيَةَ عَلَى مِنْبَرِيْ فَاقْتُلُوهُ

"Apabila kamu melihat Muawiyah berada di atas mimbarku bunuhlah".

Pengikut golongan lain yang merasa golongannya dihina, segera membalas dengan hadits *Maudbu'* untuk membalas dendam atau setidak-tidaknya untuk mengembalikan kepercayaan masyarakat padanya. Misalnya hadits *Maudbu'* yang diciptakan oleh golongan yang membenarkan pemerintahan Abu Bakar, Umar dan Utsman r.a

مَا فِي الْجَنَّةِ شَجَرَةٌ إِلَّا مَكْتُوبٌ عَلَى وَرَقَتِهِ مِنْهَا لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ أَبُو بَكْرُ الصَّدِيقُ عُمَرُ الْفَارُوقُ عُثْمَانُ ذُو الْنُورَيْنِ

"Di syurga tidak terdapat satu pokok pun, selain pokok yang daunnya ditulis dengan kalimat *La illaha illallah, Muhammadur Rasulullah, Abu Bakar As-Siddiq, Umar Al-Faruq dan Utsman Zun Nurain*".

Golongan 'Abbasiyah juga tidak ketinggalan dalam membuat hadits *Maudbu'* untuk mempertahankan golongannya. Misalnya hadits *Maudbu'*:

إِنَّ النَّبِيَّ قَالَ لِلْعَبَّاسِ إِذَا كَانَ سَنَةُ حَمْسٍ وَّثَلَاثَيْنَ وَمَائَةً فَهِيَ لَكُ
وَلِوَالِدِكَ السَّفَاحُ وَالْمَصْوُرُ وَالْمَهْدِيُّ

"Babawa nabi Muhammad s.a.w bersabda kepada Al-'Abbas 'Bila telab tiba tabun 135H, maka tabun itu adalah untukmu dan anak-anakmu, yakni Abu Al-'Abbas As-Safab, Al-Mansur dan Al-Mahdi."

Golongan Khawarij juga tidak ketinggalan. Ibnu Abi Hatim mengutip perkataan berikut:

"Babawa hadits-hadits ini adalah suatu agama. Oleh kerana itu telitilah dari siapa kamu mengambil pelajaran Agama! Kami sendiri bila menghendaki sesuatu hal, hal itu kami rubah (sedemikian rupa) menjadi suatu hadits".


- Untuk merusak agama Islam, sebagaimana yang dilakukan oleh orang-orang *Zindiq*.

Mereka itu adalah orang-orang yang merasa dengki melihat perkembangan agama Islam dan kejayaan pemerintahannya. Mereka sakit hati melihat orang berbondong-bondong masuk Islam kerana Islam menjamin kemerdekaan berfikir, memberikan kemuliaan pribadi dan kebenaran aqidahnya.

Di antara hadits *Maudbu'* yang mereka ciptakan, ialah:

يَنْزُلُ رَبُّنَا عَشِيرَةً عَرَقَةً عَلَى جَمَلٍ أَوْرَقٍ يُصَافِحُ الرُّكْبَانَ وَيَعْانِقُ الْمُشَاهَةَ

"Tuban kami turun dari langit pada petang hari, di 'Arafah dengan berkenderaan



unta kelabu, sambil berjabat tangan dengan orang-orang yang berkendaraan dan memeluk orang-orang yang berjalan."

رَأَيْتُ رَبِّي لَيْسَ بِيَنِي وَبِيَنَهُ حِجَابٌ، فَرَأَيْتُ كُلُّ شَيْءٍ مِّنْهُ، حَتَّى
رَأَيْتُ تَاجًا مُخَوَّصًا مِّنَ الْأُلُوْلِوَءِ

"Aku telah melihat Tuanku dengan tanpa Hijab antaraku dan Dia. Kerana itu kulihat segala sesuatu, bingga kulihat sebuah mahkota yang terbias dari mutiara".

Tokoh-tokoh mereka yang terkenal dalam membuat hadits *Maudhu'* ialah:

- Abdul Karim bin Abu Auja, yang akhirnya dibunuh oleh Muhammad bin Sulaiman, Walikota Basrah. Ketika ia digantung di tiang gantung untuk dipenggal kepalanya, ia mengaku telah membuat hadits *Maudhu'* sebanyak 4,000 buah.
- Bayan bin Sam'an Al-Mahdi, yang akhirnya dibunuh oleh Khalid bin Abdillah, dan
- Muhammad bin Sa'id Al-Maslub, yang akhirnya dibunuh oleh Abu Ja'far Al-Mansur.

Khalifah yang mempunyai perhatian serius untuk membanteras gerakan *Zindiq* ini ialah Khalifah Al-Mahdi. Beliau mengadakan biro khusus untuk mengikis fahaman *Zindiq*.

- Fanatik kebangsaan, kesukuan, kedaerahan, kebahasaan dan pendewaan kepada imam.

Mereka yang taksub (fanatik) kepada bangsa dan bahasa Parsi mengutarakan hadits *Maudhu'*:

إِنَّ اللَّهَ إِذَا غَضِيبَ أَنْزَلَ الْوَحْيَ بِالْعَرَبِيَّةِ وَإِذَا رَضِيَ أَنْزَلَ الْوَحْيَ بِالْفَارَسِيَّةِ

"Sesungguhnya Allah itu apabila marab, menurunkan wahyu dengan Bahasa Arab dan bila rela, menurunkan wahyu dengan bahasa Parsi"

Kemudian mereka yang merasa tersinggung membuat hadits lain untuk menandinginya, iaitu:

إِنَّ اللَّهَ إِذَا غَصَبَ أَنْزَلَ الْوَحْيَ بِالْفَارسِيَّةِ وَإِذَا رَضِيَ أَنْزَلَ الْوَحْيَ بِالْعَرَبِيَّةِ
 "Sesungguhnya Allah itu apabila marah, menurunkan wahyu dengan bahasa-
 Parsi dan bila rela, menurunkan wahyu dengan bahasa Arab."

Mereka yang mendewa-dewakan Imam Abu Hanifah, membuat hadits Maudhu' :

سَيُكُونُ رَجُلٌ فِي أُمَّتِي يُقَالُ لَهُ أَبُو حَنِيفَةَ النَّعْمَانُ هُوَ سَرَاجٌ أَمْتَيٌ.
 "Nanti bakal lahir seorang laki-laki dalam ummatku ini orang yang bernama
 Abu Hanifah An-Nu'man, sebagai pelita ummatku."

Kemudian golongan Syafi'iyyah yang sempit pandangannya mencipta hadits *Maudhu'* untuk melawan pengikut-pengikut Hanafiyah:

سَيُكُونُ فِي أُمَّتِي رَجُلٌ يُقَالُ لَهُ مُحَمَّدُ بْنُ ادْرِيسٍ هُوَ أَصْرَ أَمْتَيٌ مِنَ الْأَيْلَيْسِ.
 "Nanti bakal lahir seorang laki-laki dari umatku ini, orang yang bernama
 Muhammad bin Idris, yang paling menggentarkan ummatku daripada Iblis."

4. Membuat kisah-kisah dan nasihat-nasihat untuk menarik minat para pendengarnya.

Kisah dan nasihat-nasihat yang mereka buat itu didakwa berasal dari Muhammad s.a.w. Misalnya kisah-kisah yang menggembirakan tentang syurga, ia lukiskan;

**فِيهَا الْحَوْرَاءُ مِنْ مِسْلِيٍّ أَوْ زَعْفَرَانٍ وَعَجِيزُهَا مِيلٌ فِي مِيلٍ وَيَوْئِيُّ اللَّهُ
 وَلَيْهُ قَصْرًا مِنْ لُؤُلُؤَةٍ يَضْنَاءُ فِيهَا سَبْعُونَ أَلْفَيْ مَقْصُورَةٍ فِي كُلِّ مَقْصُورَةٍ
 سَبْعُونَ أَلْفَيْ قُبَّةٍ فَلَا يَرَى الْمَكَدَّا فِي السَّبْعِينَ أَلْفَيْ لَا يَتَحَوَّلُ عَنْهَا**

"Di dalam syurga itu terdapat bidadari-bidadari yang berbau harum semerbak, masa tuanya berjuta-juta tabun dan Allah menempatkan mereka di suatu Istana yang terbuat dari Mutiara putih. Pada istana itu terdapat 70,000 paviliun yang setiap paviliun mempunyai 70,000 kubah. Yang demikian itu tetap berjalan sampai 70,000 tabun tidak bergeser sedikitpun."

5. Mempertahankan mazhab dalam masalah khilafiah dalam bidang Fiqh dan Ilmu kalam.

Mereka yang menganggap tidak sah sembahyang dengan mengangkat kedua tangan di kala sembahyang, membuat hadits *Maudhu'*:

مَنْ رَفَعَ يَدَيْهِ فِي الصَّلَاةِ فَلَا صَلَاةَ لَهُ

"Barangsiaapa mengangkat kedua tangannya di dalam shalat, maka tidak sah salatnya."

Golongan Mutakallimin mengkafirkan orang yang berpendapat bahwa Al-Quran itu adalah ciptaan baru (makhluk), dengan mengeluarkan hadits yang didakwa dari Nabi s.a.w:

كُلُّ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا فَهُوَ مَخْلُوقٌ غَيْرُ اللَّهِ وَالْقُرْآنِ
سَيِّحِينُ أُقْوَامٍ مِنْ أُمَّيَّهِ يَقُولُونَ الْقُرْآنَ مَخْلُوقٌ فَمَنْ قَالَ ذَلِكَ فَقَدْ كَفَرَ
بِاللَّهِ الْعَظِيمِ وَطَلِقَتْ مِنْهُ امْرَأَةٌ مِنْ سَاعِيَتِهَا

"Setiap yang ada di langit, di bumi dan di antara keduanya, adalah makhluk, kecuali Allah dan Al-Qur'an itu adalah makhluk (babaru). Oleh kerana itu barangsiapa yang mengatakan demikian, sungguh kafir terhadap Allah yang Maha Besar, dan tertakluk isterinya sejak saat itu".

6. Memperolehi pujian dan kedudukan dari para penguasa.
7. Kejahilan mereka dalam ilmu agama disertai dengan adanya kemahuan keras untuk berbuat kebaikan sebanyak-banyaknya.

Mereka menganggap bahawa membuat hadits untuk *Targhib* (galakan) dan *Tarhib* (ancaman), demi untuk bertaqarrub kepada Allah dan berkhidmat kepada agama, diperbolehkan. Mereka banyak membuat hadits-hadits *Maudhu'* tentang keutamaan surah-surah Al-Quran di luar apa yang telah diterangkan oleh nash-nash yang jelas.

USAHA-USAHA PARA ULAMA UNTUK MEMBANTERAS PEMALSUAN HADITS¹⁰

Usaha-usaha para ulama dalam memelihara sunnah dan membersihkannya dari pemalsuan hadits, ialah:

¹⁰. Drs Fatchur Rahman, *Ikhtisar Mustalahul Hadits*, ms 154 - 156

1. Meng-isnad-kan hadits

Mengisnadkan hadits bermaksud meriwayatkan hadits dengan bersanad dan mencari sanad bagi hadits yang tidak bersanad.


Para sahabat di awal-awal Islam, sejak dari masa Rasulullah s.a.w. masih hidup sampai timbulnya fitnah pembunuhan khalifah Utsman bin 'Affan r.a., saling percaya mempercayai antara satu sama lain. Para Tabi'in tidak ragu-ragu menerima berita dari sahabat tentang hadits Rasulullah s.a.w. Akan tetapi setelah terjadi fitnah dan kaum Muslimin sudah mulai berpecah-belah dalam beberapa golongan dan mulai bertebusan pemalsuan hadits-hadits Rasulullah, maka para shahabat dan tabi'in berhati-hati sekali menerima hadits dari para perawinya.

Mulalah mereka meminta sanad daripada mereka yang menyampaikan hadits dan akhirnya menetapkan sanad hadits sebab sanad bagi hadits itu adalah bagaikan nasab bagi seseorang. Muhammad bin Sirrin (seorang tabi'i yang lahir tahun 33H meninggal tahun 110H) menceritakan bahawa para sahabat, dahulu apabila menerima hadits tidak selalu menanyakan sanadnya. Akan tetapi setelah terjadi fitnah, mereka meminta untuk disebutkan sanadnya. Kemudian setelah disebutkan sanadnya, ditelitiinya kalau sanad itu terdiri dari Ahli Sunnah, diambilnya dan kalaupun terdiri dari ahli bid'ah, ditolaknya.

2. Meningkatkan lawatan mencari hadits.

Ulama' dahulu meningkatkan lawatan mencari hadits dari suatu kota ke kota untuk menemui para sahabat yang meriwayatkan hadits. Sejak itu para penuntut hadits hanya mendengar dari sahabat saja. Jika ia mendapatkan hadits dari selain sahabat, dengan segera mereka mencari sahabat Rasulullah s.a.w. untuk memperkuatkannya.

Abu 'Aliyah mengatakan bahawa ia tidak rela kalau mendengar hadits dari sahabat Rasulullah s.a.w. yang berada di Basrah, sekiranya ia tidak pergi ke Madinah untuk mendengarkan hadits tersebut dari para sahabat yang berada di sana. Demikian juga para sahabat mengadakan perlawatan mencari hadits dari kawannya sahabat yang



berada di luar daerahnya. Misalnya sahabat Ayyub menemui sahabat Uqbah bin Amir di Mesir dan sahabat Jabir menemui sahabat Abdullah bin Anis untuk mencari suatu hadits.

3. Mengambil tindakan kepada para pemalsu hadits

Dalam rangka berhati-hati untuk menerima riwayat, maka sebahagian dari mereka, menumpas para pemalsu hadits, mlarang mereka meriwayatkannya dan menyerahkannya kepada penguasa. 'Amir Asy-Sya'by pernah ketemu dengan Abu Soleh, seorang mufassir. Lalu ditariknya telinga Abu Soleh dan dimarahinya dengan kata-kata:

"Celaka kamu! Kenapa kamu menafsirkan Al-Quran, padahal kamu tidak baik membacanya?"

Murrah Al-Hamdani pernah mendengar sebuah hadits dari Al-Harits Al-A'war, pendukung golongan Syiah yang banyak membuat hadits-hadits Maudhu', lalu disuruhnya ia jongkok di muka pintu dan kemudian dibunuhnya.

4. Menjelaskan tingkah laku perawi hadits.

Para sahabat, tabi'in dan tabi'it-tabi'in mempelajari biografi para-perawi, tingkah-lakunya, kelahiran dan kematiannya, keadilannya, daya ingatannya dan kemampuan menghafalnya, untuk membedakan hadits-hadits yang sahih dan yang palsu. Jika terdapat sifat-sifat yang tercela, mereka akan beritahukan kepada orang umum. Mereka mengkritik atau memuji identiti seorang perawi, hanya semata-mata takut kepada Allah. Mereka mengambil hadits dari seorang perawi, bukan kerana takut terhadap perawi tersebut atau kerana belas kasihan.

Untuk kepentingan itu, mereka lalu membuat ketentuan-ketentuan untuk menetapkan sifat-sifat perawi yang dapat dan tidak dapat diambil, ditulis atau diriwayatkan haditsnya.

Para perawi yang tidak boleh diambil haditsnya, ialah:

- Orang yang mendustakan Rasulullah s.a.w.,

- Orang yang berdusta dalam perbicaraan umum, biarpun tidak berdusta terhadap Rasulullah s.a.w.,
- Ahli bid'ah,
- Orang *Zindiq*, fasiq, pelupa dan orang yang tidak mengerti apa yang ia ceritakan.

Adapun para perawi yang ditangguhkan periyatannya, ialah:

- Orang yang diperselisihkan tentang *jarh* (cacat) dan *ta'dil* (keadilan)nya,
- Orang yang banyak salahnya daripada benarnya serta banyak berlawanan dengan periyatan orang *tsiqab*,
- Orang yang banyak lupa,
- Pelupa kerana lanjut usia dan
- Orang yang kurang baik hafalannya.

5. Membuat ketentuan-ketentuan umum tentang klasifikasi hadits.

Mereka membuat ketentuan dan syarat-syarat bagi hadits *Sahib*, *Hasan* dan *Dha'if*.

6. Membuat ketentuan-ketentuan untuk mengetahui ciri-ciri hadits *Maudlu'*

Mereka membuat ketentuan mengenai tanda-tanda (ciri-ciri) hadits *Maudlu'*. Baik ciri-ciri yang terdapat pada sanad maupun pada matannya.

HUKUM MERIWAYATKAN HADITS DHA'IF¹¹

Para ulama mewajibkan seseorang yang ingin meriwayatkan hadits *Dha'if* untuk menyatakan sanad hadits berkenaan agar dapat dinilai. Selain itu hendaklah dinyatakan penjelasan bahawa hadits ini adalah *Dha'if*.

Ulama melarang meriwayatkan hadits *Dha'if* tanpa sanad kecuali

¹¹ Drs Fatchur Rahman, *Iktisar Mustalahul Hadits*, ms 200 - 201

disertakan penjelasan akan kecacatan hadits berkenaan.

Imam An-Nawawi berpendapat bahawa sesiapa yang meriwayatkan hadits *Dha'if* maka hendaklah tidak menggunakan lafaz yang pasti seperti 'telah bersabda' dan 'telah menyebut' tetapi hendaklah menggunakan lafaz yang tidak pasti seperti 'diriwayatkan Rasulullah berkata'.

Jika hadits berkenaan adalah *Dha'if* hanya pada sanadnya maka hendaklah dikatakan bahawa hadits ini *Dha'if* dari segi sanadnya kerana hadits yang *Dha'if* dari segi sanad tidak bermakna *Dha'if* dari segi matan disebabkan ada hadits lain yang menguatkan matan hadits berkenaan.

Meriwayatkan hadits *Maudbu'* tanpa penjelasan mengenai penyelewengannya adalah haram. Sebaiknya hadits *Maudbu'* tidak diriwayatkan langsung kecuali untuk tujuan tertentu seperti untuk belajar atau memaklumkan pada orang ramai.

HUKUM BERAMAL DENGAN HADITS DHA'IF

Ibn Hajar Al'Asqalani membolehkah berhujah dan beramal dengan hadits *Dha'if* untuk amal-amal sunat dengan 3 syarat, iaitu:

- Kelemahan hadits itu tidak keterlaluan. Oleh itu, hadits *Maudbu'* yang disebabkan oleh perawi yang berbohong, dituduh berbohong dan banyak kesalahan tidak boleh dijadikan dalil dan beramal dengannya walaupun dalam amal-amal sunat.
- Dasar amal yang dianjurkan oleh hadits *Maudbu'* masih di bawah dasar yang dibenarkan oleh hadits *Sahih* dan *Hasan*.

Misalnya ialah hadits Ibn Abd Al-Bar dari Ibn Umar r.a yang menjelaskan bahawa Rasulullah s.a.w bersabda

مَنْ حَفِظَ عَلَىٰ أَثْيَارُبِعِينَ حَدِيثًا مِنَ الْمُتَّسَأَةِ حَتَّىٰ يُؤْدِيهَا إِلَيْهِمْ
كُنْتُ لَهُ شَفِيعًا وَشَهِيدًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ

"Siapa yang menghafal 40 buah hadits, untuk menyampaikan kepada umatku,

aku bersedia menjadi syafaat dan saksi untuknya di hari Kiamat kelak."

Hadits ini disokong oleh hadits

لِيَسْتَعْلُمُ الشَّاهِدُ مِنْكُمُ الْغَائِبُ

"Hendaklah di antara kamu yang menyaksikan, menyampaikan kepada orang yang tidak menyaksikan." (Riwayat Al-Bukhari & Muslim)

- c. Dalam beramal hendaklah tidak mengiktikadkan bahawa hadits itu benar-benar bersumber dari Nabi tetapi hanya bertujuan untuk ihtiyat (berhati-hati agar tidak kerugian kerana meninggalkan anjuran sunat).

Termasuk dalam perkara ini ialah meriwayat dan beramal dengan hadits-hadits yang bersifat Israiliyat.

NASIHAT BAGI MASYARAKAT AWAM UNTUK MENJAUHI HADITS DHA'IF DAN MAUDHU'

Bagi menjauhi dari terperangkap dalam penyelengengan yang disebabkan oleh hadits *Dha'if* dan *Maudhu'*, dicadangkan seperti berikut;

- a. Hendaklah bertanya kepada ulama yang dipercayai mengenai sesuatu hadits yang ditemui dan jarang didengari.
- b. Hendaklah merujuk pada buku-buku hadits sahih seperti *Sabib Al-Bukhari* dan *Muslim* atau buku yang koleksi hadits-hadits sahih dari pelbagai kitab hadits bagi memastikan sama ada dalil bagi sesuatu amalan itu bersandarkan pada hadits sahih atau tidak. Adalah wajar bagi seorang Muslim untuk memiliki kedua buku ini sebagai bahan rujukan peribadi kerana kepentingan yang ada padanya.
- c. Merujuk pada buku yang mengumpulkan hadits-hadits lemah dan palsu yang ditulis oleh ulama yang dipercayai. Adalah wajar bagi seorang Muslim untuk memiliki buku seperti ini dalam simpanannya.



- d. Merujuk pada buku Fiqh atau tafsir atau buku dalam bidang yang berkaitan dengan sesuatu hadits yang tidak pasti kedudukannya bagi mengetahui samada amalan yang dianjurkan dalam hadits itu dibolehkan atau tidak.
- e. Jangan memperdulikan hadits-hadits yang bersifat cerita dan dongeng yang tidak menjurus pada apa-apa bentuk amal tertentu, hanya setakat untuk mengisahkan keindahan syurga dan sebagainya.

the first time, the author has been able to study the effect of the different factors on the growth of the plant. The results obtained from the present investigation are summarized in Table I.

The results show that the growth of the plant is influenced by the amount of water supplied to the plants. The plants receiving 100 ml. of water per day showed the maximum growth.

The results also show that the growth of the plant is influenced by the amount of nitrogen supplied to the plants. The plants receiving 100 mg. of nitrogen per day showed the maximum growth.

The results also show that the growth of the plant is influenced by the amount of phosphorus supplied to the plants. The plants receiving 100 mg. of phosphorus per day showed the maximum growth.

The results also show that the growth of the plant is influenced by the amount of potassium supplied to the plants. The plants receiving 100 mg. of potassium per day showed the maximum growth.

The results also show that the growth of the plant is influenced by the amount of calcium supplied to the plants. The plants receiving 100 mg. of calcium per day showed the maximum growth.

The results also show that the growth of the plant is influenced by the amount of magnesium supplied to the plants. The plants receiving 100 mg. of magnesium per day showed the maximum growth.

The results also show that the growth of the plant is influenced by the amount of sulphur supplied to the plants. The plants receiving 100 mg. of sulphur per day showed the maximum growth.

The results also show that the growth of the plant is influenced by the amount of boron supplied to the plants. The plants receiving 100 mg. of boron per day showed the maximum growth.

The results also show that the growth of the plant is influenced by the amount of zinc supplied to the plants. The plants receiving 100 mg. of zinc per day showed the maximum growth.

The results also show that the growth of the plant is influenced by the amount of manganese supplied to the plants. The plants receiving 100 mg. of manganese per day showed the maximum growth.

The results also show that the growth of the plant is influenced by the amount of copper supplied to the plants. The plants receiving 100 mg. of copper per day showed the maximum growth.

The results also show that the growth of the plant is influenced by the amount of iron supplied to the plants. The plants receiving 100 mg. of iron per day showed the maximum growth.

The results also show that the growth of the plant is influenced by the amount of molybdenum supplied to the plants. The plants receiving 100 mg. of molybdenum per day showed the maximum growth.

The results also show that the growth of the plant is influenced by the amount of chlorine supplied to the plants. The plants receiving 100 mg. of chlorine per day showed the maximum growth.

The results also show that the growth of the plant is influenced by the amount of silicon supplied to the plants. The plants receiving 100 mg. of silicon per day showed the maximum growth.

The results also show that the growth of the plant is influenced by the amount of aluminium supplied to the plants. The plants receiving 100 mg. of aluminium per day showed the maximum growth.

The results also show that the growth of the plant is influenced by the amount of gallium supplied to the plants. The plants receiving 100 mg. of gallium per day showed the maximum growth.

The results also show that the growth of the plant is influenced by the amount of indium supplied to the plants. The plants receiving 100 mg. of indium per day showed the maximum growth.

The results also show that the growth of the plant is influenced by the amount of tin supplied to the plants. The plants receiving 100 mg. of tin per day showed the maximum growth.

The results also show that the growth of the plant is influenced by the amount of antimony supplied to the plants. The plants receiving 100 mg. of antimony per day showed the maximum growth.

The results also show that the growth of the plant is influenced by the amount of arsenic supplied to the plants. The plants receiving 100 mg. of arsenic per day showed the maximum growth.

The results also show that the growth of the plant is influenced by the amount of phosphorus supplied to the plants. The plants receiving 100 mg. of phosphorus per day showed the maximum growth.